

**KAJIAN TENTANG PERANAN GALERI DARURAT BUKIT KEPONG
DALAM MEMBANGKITKAN SEMANGAT NASIONALISME DALAM
KALANGAN PELAWAT**

NURUL HAZIRAH BINTI SUPIE

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Kajian Tentang Peranan Galeri Darurat Bukit Kepong Dalam Membangkitkan Semangat Nasionalisme Dalam Kalangan Pelawat

Oleh

Nurul Hazirah Binti Supie

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan.

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti yang berikut :

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan Oleh :



Tandatangan Pengkaji

Nama : NURUL HAZIRAH BINTI SUPIE

Tarikh : 23 FEBUARI 2023



DR. SURAYA SUKRI
Senior Lecturer,
Department of Heritage Studies,
Faculty of Creative Technology and Heritage,
Universiti Malaysia Kelantan (UMK),
16300 Kelantan, Malaysia

Tandatangan Penyelia

Nama : Dr. Suraya Binti Sukri

Tarikh : 2/3/2023

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat pengkaji menyempurnakan projek penyelidikan akhir dengan lengkap dan sempurna setelah mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan yang tidak terkata sepanjang perjalanan dalam menyiapkan penyelidikan akhir ini.

Justeru, pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Suraya binti Sukri yang merupakan penyelia yang saya hormati bagi kursus Projek Penyelidikan ini. Terima kasih saya ucapkan kepada beliau atas bimbingan dan motivasi yang tidak putus-putus sepanjang menyiapkan penulisan tesis ini. Kepakaran dan kemahiran yang tiada tolok bandingnya membantu pengkaji dalam menyempurnakan kajian ini. Setiap kepayahan dan kesusahan yang dirasai oleh pengkaji dapat ditangkis sebaiknya dengan kehadiran beliau. Setiap tunjuk ajar, sokongan dan dorongan yang telah diberikan oleh beliau telah membantu pengkaji untuk terus maju dan selalu memandangkan kedepan dalam menyelesaikan penulisan tesis ini sehingga ke akhirnya.

Seterusnya, jutaan terima kasih juga diucapkan kepada kedua ibubapa tersayang, Supie bin Mat Ariffin dan Raimah binti Mohamad yang tidak pernah jemu memberi kata-kata semangat dan disulami doa setulus hati sepanjang perjalanan untuk menyiapkan kajian ini. Ucapan semangat dan kepercayaan yang telah diberikan telah mengajar pengkaji erti kesabaran dan keikhlasan dalam menuntut ilmu. Selain itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu pengkaji semasa menjalankan kajian ini. Segala pertolongan dan sokongan moral yang diberikan membantu pengkaji untuk meneruskan kajian ini.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terkata turut diberikan kepada informan dan para responden yang terlibat terlibat sepanjang proses pengumpulan maklumat yang dilakukan untuk melengkapkan kajian ini. Pengkaji amat berterima kasih kepada informan dan para responden atas bantuan dan kerjasama mereka untuk pengkaji menghasilkan penyelidikan ini. Sikap mereka yang tidak lokek ilmu dan sentiasa bersedia dalam menyampaikan maklumat telah membantu pengkaji dalam menjayakan penulisan tesis ini.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii-iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2-3
1.3 Permasalahan Kajian	3-5
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Skop Kajian	6-8
1.7 Kepentingan Kajian	8-9
1.8 Penutup	9
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Definisi galeri atau muzium	10-13
2.3 Galeri Darurat Bukit Kepong	13
2.4 Konsep Nasionalisme	13-15
2.5 Pelawat atau Pengunjung	15
2.6 Kerangka Teori	16
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	17
3.2 Pendekatan Kajian	17-18
3.3 Rekabentuk Kajian	18
3.4 Unit Analisis	19
3.5 Kaedah Kajian	19
3.5.1 Kaedah Kualitatif	19
3.5.2 Kaedah Kuantitatif	20
3.6 Teknik Pengumpulan Data	21-24
3.6.1 Data Primer	
I) Temu Bual	

<ul style="list-style-type: none"> li) Pemerhatian lii) Borang Soal Selidik 3.6.2 Data Sekunder <ul style="list-style-type: none"> I) Perpustakaan li) Internet lii) Jurnal Iv) Surat Khabar Online 3.7 Persampelan 3.7.1 Limitasi Kajian 3.8 Unit Analisis 	<p>25</p> <p>26</p> <p>26-28</p>
<p>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</p> <ul style="list-style-type: none"> 4.0 Pengenalan 4.1 Data Demografi Responden <ul style="list-style-type: none"> 4.1.2 Bentuk Penceritaan 4.1.3 Gambar dan Imej 4.1.4 Penggunaan Multimedia (Audio dan Video) 4.1.5 Replika dan Diorama 4.2 Peranan Galeri Darurat Dalam Membangkitkan Semangat Nasionalisme <ul style="list-style-type: none"> 4.2.1 Peranan Galeri 4.2.2 Kerjasama Pihak yang Berkepentingan 4.3 Langkah-langkah pelestarian <ul style="list-style-type: none"> 4.3.1 Langkah-langkah 4.3.2 Kerjasama Penglibatan Pihak Berkepentingan 4.3.3 Penjagaan dan Pemuliharaan 4.3.4 Penglibatan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam Pelbagai Aktiviti 	<p>29</p> <p>29-31</p> <p>32-36</p> <p>36-37</p> <p>37-38</p> <p>38-40</p> <p>40</p> <p>40-44</p> <p>44-45</p> <p>45-46</p> <p>46-49</p> <p>49-50</p> <p>51-52</p> <p>52-54</p>
<p>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</p> <ul style="list-style-type: none"> 5.0 Pengenalan 5.1 Kesimpulan 5.2 Cadangan 	<p>55</p> <p>55-57</p> <p>57-58</p>
<p>RUJUKAN</p>	<p>59-62</p>
<p>LAMPIRAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Appendix A : Latar Belakang Informan Appendix B : Transkrip Temubual Appendix C : Perbualan Atas Talian Appendix D : Borang Soal Selidik 	<p>63</p> <p>64-68</p> <p>69-70</p> <p>71-75</p>

SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	30
4.1.2 Taburan Responden Mengikut Bangsa	30
4.1.3 Taburan Responden Mengikut Umur	30-31
4.1.4 Taburan Responden Dari Segi Bentuk Penceritaan	32-33
4.1.5 Taburan Responden Dari Segi Bentuk Gambar Dan Imej	36
4.1.6 Taburan Responden Dari Segi Penggunaan Multimedia	37
4.1.7 Taburan Responden Dari Segi Replika Dan Diorama	39
4.3.1 Taburan Responden Dari Segi Langkah-Langkah	46-48
4.3.2 Taburan Responden Dari Segi Kerjasama Pihak Berkepentingan	50
4.3.3 Taburan Responden Dari Segi Pemuliharaan	51
4.3.4 Taburan Responden Dari Segi Penglibatan	52
4.3.5 Taburan Responden Mengikut Negeri	53

SENARAI RAJAH

RAJAH	Halaman
Rajah 1 Peta Lokasi	6
Rajah 2 Galeri Darurat Bukit Kepong	7
Rajah 3 Bangunan dan Artifak	7
Rajah 4 Tayangan Video	38
Rajah 5 Replika	40

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Kajian Tentang Peranan Galeri Darurat Bukit Kepong Dalam Membangkitkan Semangat Nasionalisme Dalam Kalangan Pelawat

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat Nasionalisme dalam kalangan pelawat. Nasionalisme merupakan salah satu semangat yang perlu ada pada setiap diri seseorang terhadap bangsa dan negara. Hal ini demikian kerana, semangat nasionalisme pada masa kini kurang dititikberatkan oleh setiap individu termasuk individu yang mengunjungi ke Galeri Darurat Bukit Kepong. Oleh itu terdapat beberapa objektif kajian yang memainkan peranan pengkaji dalam membuat penyelidikan. Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Kajian ini berpandukan kepada teori oleh Ernest Gellner 1983 iaitu *Nations and Nationalism*. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah campuran. Dalam kajian ini, kaedah survey menggunakan soalan soal selidik yang telah diaplikasikan dan terdapat seramai 154 responden yang terlibat dan mereka dipilih berdasarkan kaedah persampelan secara rawak mudah. Responden telah membuat pilihan dengan menggunakan skala likert dengan kenyataan yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kajian ini adalah penting bagi pelawat membangkitkan semangat nasionalisme dalam diri setelah berkunjung ke Galeri Darurat Bukit Kepong. Hasil daripada kajian ini harap dapat membantu pihak Galeri Darurat Bukit Kepong untuk menangani isu nasionalisme

Kata Kunci : Peranan, Galeri Darurat Bukit Kepong, Nasionalisme, Pelawat

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

A Study on the Role of Darurat Gallery of Bukit Kepong in Arousing the Spirit of
Nasionalism Among Visitors.

ABSTRACT

This study discusses the role of Darurat Gallery of Bukit Kepong in awakening the spirit of nationalism among visitors. Nationalism is one of the spirits that every person should have towards the nation and the country. This is because the spirit of nationalism nowadays is less emphasised by every individual including the individual who visits Bukit Kepong Emergency Gallery. Therefore, there are several research objectives of this research. Such as to examine the role of the Darurat Gallery of Bukit Kepong in awakening the spirit of nationalism among visitors. This study is based on the theory of Ernest Gellner 1983 which is Nations and Nationalism. The method used for this research is a mixed method consisting of qualitative and quantitative methods. For the quantitative parts, the survey method was employed using questionnaires whereby a total of 154 respondents were selected through a simple random sampling method. Meanwhile, for the qualitative parts, interview sessions were made with the professionals at the gallery. The result of this study will hopefully help the Darurat Gallery of Bukit Kepong in investing the spirit of nationalism among the visitors.

Keywords : Roke, Bukit Kepong Emergency Gallery, Nationalism, Visitors

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

1.0 Pendahuluan

Nasionalisme secara umumnya bermaksud semangat kebangsaan. Maksud nasionalisme menurut Hans Koh (1969) di Jerman terdapat seorang sarjana yang mengatakan atau berpendapat bahawa bangsa, negeri atau negara dapat mencerminkan kesetiaan seseorang. Pada tahun 1966, menurut Elie Kedourie (1966) menjelaskan bahawa nasionalisme merupakan satu keazaman kelompok manusia yang mempunyai ciri-ciri tertentu seperti mempunyai persamaan bangsa, etnik, agama yang ingin dibentuk oleh kerajaan beliau. Nasionalisme di Tanah Melayu konsepnya terbahagi kepada dua pengertian yang pertama adalah gerakan perjuangan untuk menuntut kemerdekaan dan yang kedua adalah mempertahankan budaya, bahasa, pendidikan, ekonomi dan sebagainya selepas mencapai kemerdekaan (Novita, n.d.)

Kajian ini dijalankan kerana masyarakat kini kurang menghayati tentang nasionalisme dan sejarah yang ada di negara ini seperti kawasan peperangan yang telah dijajah oleh penjajah, sebagai contoh Galeri Darurat Bukit Kepong. Galeri Darurat Bukit Kepong telah menyimpan pelbagai aset warisan perang yang bertujuan untuk membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Bukan itu sahaja, aspek penyimpanan aset warisan adalah sangat penting bagi menunjukkan betapa pentingnya sebuah tempat atau lokasi peperangan untuk dipamerkan. Seperti dalam filem Bukit Kepong yang telah memberikan pengajaran buat penonton bahawa semangat nasionalisme perlu ada untuk membantu pewira negara dalam menyelamatkan sesebuah tempat. Peperangan itu berlaku di Balai Polis Bukit Kepong pada tahun 1948. Oleh itu, galeri ini adalah tujuan untuk membolehkan menaikkan lagi semangat nasionalisme dengan mengingati balik peristiwa yang telah berlaku pada zaman dijajah (Ahmad Ali Karim, 2018)

1.1 Latar belakang kajian

Balai Polis Bukit Kepong telah mempunyai peristiwa yang bersejarah yang membawa darurat pada tahun 1948 di Tanah Melayu. Ketika pada masa itu, ia telah menjadi zaman darurat di seluruh negara. Pada tahun 1975 menurut Short, Tanah Melayu mula dijajah oleh Angkatan Jepun pada tahun 1941 dan Balai Polis Bukit Kepong adalah salah satu kawasan yang telah dijajah oleh Angkatan Jepun. Balai Polis Bukit Kepong telah diserang dengan ganas daripada pengganas komunis. Ia juga telah mengorbankan pasukan keselamatan iaitu polis dan orang awam (Ahmad Ali Karim, 2018)

Seterusnya, Galeri Darurat Bukit Kepong juga telah menyimpan beberapa khazanah berkaitan dengan tragedi tersebut seperti cerita sejarah, pakaian polis, senjata dan sebagainya. Hal ini demikian kerana untuk mengingati perjuangan pasukan keselamatan yang bertungkus lumus untuk mempertahankan kedaulatan negara. Bukan itu sahaja, semangat perpaduan ia juga ditunjukkan oleh penduduk kampung yang turut memberi bantuan kepada pasukan keselamatan untuk menentanf komunis. Galeri ini merupakan satu usaha yang ada di negeri Johor yang telah ditunjukkan oleh pihak Kerajaan bersama-sama Polis Diraja Malaysia. DYMM Sultan Johor telah merasmikan Galeri Darurat Bukit Kepong (Ahmad Ali Karim, 2018)

Di dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan terhadap peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Nasionalisme secara umumnya bermaksud semangat kebangsaan. Maksud nasionalisme menurut Hans Koh(1969) seorang sarjana dari Jerman ialah satu keazaman kelompok manusia yang mempunyai ciri-ciri tertentu seperti mempunyai persamaan bangsa, etnik, agama yang ingin dibentuk oleh kerajaan. Pegertian Nasionalisme terbahagi kepada dua di Tanah Melayu, antaranya adalah untuk menuntut kemerdekaan dengan melakukan gerakan perjuangan. Selain itu,

masyarakat di Tanah Melayu selepas mencapai kemerdekaan merujuk kepada mempertahankan budaya, pendidikan, ekonomi dan bahasa yang perlu di pertahankan daripada penjajah (Hamil, Mohd Faidz Mohd Zain & Razak, Mohd Rizal Mohd Yaakob, 2011)

Nasionalisme ialah merupakan salah satu situasi psikologi di mana kesetiaan seseorang yang benar-benar tulus dan setia terhadap negara, bangsa dan sebagainya. Kemunculan nasionalisme telah terbukti sangat berkesan sebagai alat perjuangan kolektif merebut kemerdekaan daripada penjajah. Kajian ini juga penting terhadap masyarakat, bangsa, dan negara dengan bertujuan untuk menitikberatkan tentang nasionalisme dalam diri sendiri. Hal ini demikian kerana, dapat menginspirasi masyarakat untuk mempunyai sifat cinta dan setia terhadap negara (Novita, n.d.)

1.2 Permasalahan kajian

Permasalahan kajian merupakan masalah atau isu yang dikaji. Antara masalah yang dihadapi ialah semangat nasionalisme kurang dalam kalangan generasi terkini. Apabila mengkaji tentang semangat nasionalisme terhadap Galeri Darurat Bukit Kepong, masalah utama yang didapati adalah generasi sekarang kurang mengemanti nasionalisme dalam diri. Menurut Prof Emeritus Dr Khoo Kay Kim nasionalisme digunakan untuk perjuangan orang Melayu untuk mendapatkan kedudukan yang unggul dalam negara sendiri. Oleh itu, setiap orang perlu mempunyai semangat nasionalisme untuk menyokong dan taat setia terhadap kedaulatan negara.

Selain itu, masyarakat moden kini lebih terpengaruh dengan budaya luar iaitu budaya barat. Kesannya, ia telah memberi impak yang negatif terhadap seseorang yang tidak mempunyai semangat nasionalisme. Apabila budaya barat mempengaruhi masyarakat seperti gaya pakaian dan pergaulan bebas ia telah

mendorong perlakuan sosial yang bertentangan dengan norma Melayu. Jelasnya, Semangat nasionalisme terhadap negara kurang diberi perhatian. Bukan itu sahaja, ia dapat memburukkan keadaan negara jika semangat nasionalisme kian pudar daripada diri sendiri, masyarakat dan negara.

Malaysia telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 setelah beberapa tahun dijajah. Pada masa itu rakyat Malaysia mengalami fasa-fasa yang getir kerana berlakunya jajahan daripada penjajah. Dari segi berlakunya fasa-fasa ini, pengkaji berasa bersyukur dan bangga dengan semangat nasionalisme yang telah diterapkan oleh nenek moyang kita pada zaman dulu, kerana semangat nasionalisme mereka kita dapat kemerdekaan sehingga sekarang. Oleh itu, pentingnya pada masa kini untuk membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan orang muda supaya mereka dapat mencintakan kepada negara dan menghargai usaha dan jasa-jasa yang telah dibuat oleh nenek moyang dalam berkorban untuk merdekakan Malaysia.

Dalam aspek warisan terdapat banyak tinggalan-tinggalan sejarah yang menceritakan tentang perit-jerit atau usaha nenek moyang kita untuk membebaskan tanah Melayu daripada ancaman penjajah antaranya adalah beberapa pusat-pusat tapak warisan yang wartakan menjadi pusat pelancongan. Bukan itu sahaja, tapak warisan ini juga bertujuan supaya rakyat Malaysia belajar dan menghayati semangat nasionalisme. Sebagai contoh muzium perang yang berada di Pulau Pinang. Muzium-muzium seperti ini telah meninggalkan beberapa kesan untuk rakyat Malaysia untuk mempelajari segala jalan cerita yang dihadapi oleh nenek moyang dengan mengorbankan diri demi mempertahankan negara daripada penjajah.

Pelbagai usaha-usaha yang dibuat untuk menarik perhatian masyarakat dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam diri antaranya wujudnya muzium, adanya tayangan dan sebagainya. Di dalam Galeri Darurat Bukit Kepong terdapat

pelbagai khazanah yang ditinggalkan oleh para pahlawan antaranya pakaian polis, senjata, sejarah dan sebagainya. Hal ini adalah salah satu usaha pengurusan galeri untuk membangkitkan semangat nasionalisme dalam diri setiap pelawat yang mengunjungi. Menurut Sarman (1995), nasionalisme sering diertikan sebagai kecintaan terhadap tanah air yang tanpa *Reserve*, yang merupakan simbol *patriotisme heroic* semata sebagai bentuk perjuangan yang seolah-olah menghalalkan segala cara demi mencintai negara.

Dalam kajian ini, terdapat beberapa persoalan dan objektif kajian telah dibentuk seperti dibawah:

1.3 Persoalan kajian

Persoalan yang timbul dalam kajian ini adalah seperti berikut ;


1. Bagaimana bentuk penceritaan dalam galeri darurat bukit kepong ?
2. Apakah peranan galeri darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan nasionalisme ?
3. Sejauhmanakah langkah-langkah yang perlu digunakan dalam melestarikan semangat nasionalisme ?

1.4 Objektif kajian

Secara umumnya objektif kajian pengkaji ini adalah seperti berikut ;

1. Mengenalpasti bentuk penceritaan dalam galeri darurat bukit Kepong.
2. Mengkaji peranan galeri darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme.
3. Menganalisis langkah-langkah yang digunakan dalam melestarikan semangat nasionalisme.

1.5 Skop kajian



Rajah 1: Peta Lokasi Galeri Darurat Bukit Kepong

Sumber : Google, 2022

Rajah 1 menunjukkan peta lokasi dimana terletaknya Galeri Bukit Kepong. Galeri Bukit Kepong ini terletak di Jalan Labis-Muar, Bukit Kepong, 84600, Muar, Johor. Galeri Darurat Bukit Kepong dibuka pada hari Selasa sehingga Ahad (9 pagi – 5 petang). Pemilihan lokasi kajian ini adalah kerana di Galeri Darurat Bukit Kepong mempunyai sejarah peristiwa polis Bukit Kepong telah diserang oleh penjajah komunis. Disni juga merupakan antara tempat tarikan pelancongan yang menjadi tumpuan para pelancong membangkitkan dalam semangat nasionalisme ketika mereka melawat galeri ini.





Rajah 2 : Galeri Darurat Bukit Kepong

Sumber : Google, 2022



Rajah 3 : Bangunan dan Artifak Galeri Darurat Bukit Kepong

Sumber : Google (2022)

Seterusnya, kajian ini tertumpu kepada Peranan Terhadap Galeri Darurat Bukit Kepong dalam Membangkitkan Semangat Nasionalisme kepada pelawat yang merujuk kepada pihak pengurusan galeri ini. Skop kajian yang telah ditekankan oleh pengkaji adalah dari segi aspek menganalisis pengurusan Galeri Darurat Bukit Kepong dari segi persoalan yang ditetapkan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji telah mengkaji peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme serta pengkaji telah mengenal pasti

langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak pengurusan terhadap pelawat yang melawat ke galeri.

1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini sangat penting kepada pengkaji dalam memastikan bahawa setiap kajian yang dibuat mendatangkan sumber yang penting sama ada pengkaji sendiri mahupun kepada mereka yang ingin menjadikan sesuatu bahan rujukan. Bukan itu sahaja, pengkaji juga ingin tahu bagaimana semangat nasionalisme dapat dipupuk dalam generasi kini dan pengunjung yang kunjung ke Galeri Darurat Bukit Kepong.

i) Masyarakat

Dalam kajian ini juga, kepentingan yang seharusnya dipupuk oleh masyarakat adalah semangat nasionalisme dan perlu membangkitkan semangat nasionalisme supaya tidak ketinggalan dengan perjuangan yang telah dijuangkan oleh pasukan keselamatan. Kajian ini dijalankan untuk memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat dengan lebih terperinci mengenai peristiwa yang telah berlaku di Balai Polis Bukit Kepong yang kini telah menjadi Galeri Darurat Bukit Kepong.

ii) Individu

Kepentingan lain adalah cara pengurusan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam melestarikan semangat nasionalisme dalam diri setiap pengunjung. Hal ini demikian kerana, tempat yang menyimpan khazanah atau warisan perlulah disemaikan dalam diri supaya mendapat ilmu selepas mengetahui dan melihat segala nilai nilai warisan yang didapati dalam Galeri Darurat Bukit Kepong.

iii) Institusi Pendidikan

Kajian ini dijalankan bagi kepentingan setiap institusi Pendidikan. Hal ini demikian kerana dalam membantu mereka untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.

1.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam bab ini telah menjelaskan secara keseluruhan tentang peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Selain itu, objektif kajian dirangka adalah untuk pengkaji mencapai matlamat yang utama dalam sesebuah kajian dan permasalahan yang dikemukakan dalam penyelidikan ini bertujuan membangkitkan isu bagi menjalani kajian ini. Di dalam bab ini juga mengandungi permasalahan persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan hasil daripada pelbagai sorotan kajian yang lepas mengenai definisi istilah galeri atau muzium, Galeri Darurat Bukit Kepong, konsep nasionalisme, dan pelawat, serta latar belakang Galeri Darurat Bukit Kepong. Melalui sorotan kajian lepas, ianya dapat memberi gambaran dan membantu pengkaji dalam mengaitkan dapatan kajian yang dilakukan dengan hasil dapatan kajian yang lepas.

2.1 Definisi galeri atau muzium

Menurut ICOM Muzium ialah merupakan sebuah institusi yang mencari keuntungan, yang kekal dalam perkhidmatan masyarakat dan pembangunannya terbuka kepada orang ramai dengan tujuan untuk memperoleh, memulihara, menyelidik, berkomunikasi dan mempamerkan warisan manusia yang ketara dan tidak ketara dengan tujuan untuk pendidikan, pembelajaran dan keseronokan (ICoM, 2007). Muzium adalah lebih daripada tempat di mana objek dipamerkan dan dipelihara. Muzium juga memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkukuhkan ekonomi di peringkat tempatan dan serantau. Selain itu, UNESCO menyatakan apabila muzium semakin berkembang dalam bidang sosial, ia dapat bertindak sebagai platform untuk perdebatan dan perbincangan menangani isu-isu masyarakat yang kompleks dan menggalakkan penyertaan orang ramai (Unesco, 2022) Muzium merupakan sesuatu penempatan atau bangunan yang berharga dan dianggap sebagai pemegang amanah warisan negara yang tidak dapat ditukar ganti. Kandungan yang terdapat dalam muzium seperti sumber serta bahan-bahan dapat memberi kefahaman dari segi sejarah, sastera, sains atau semulajadi dan menarik minat masyarakat terhadap warisan dunia (Jabatan Muzium Malaysia, 2022)

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, galeri merupakan satu bangunan atau sesuatu bilik dengan tujuan tempat mempamerkan segala karya-karya seni dan sebagainya yang berkaitan dengan sejarah (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022) Bukan itu sahaja, galeri adalah salah satu pameran yang diadakan di sesuatu tempat yang berkaitan dengan seni dan sejarah yang berlaku (Hidayah & Yuszaidy, 2017). Menurut Mohd Yusof Abdullah (1999:93), pada 14 Jun 1974 di Copenhagen telah adanya mesyuarat agong ke-11 definisi muzium telah ditetapkan oleh ICOM. Fungsi utama muzium ialah mengumpul segala koleksi, memelihara, menyelidik dan mempamerkan segala bukti-bukti peninggalan manusia dan pesekitarannya untuk masyarakat setelah terlihatkannya pelbagai definisi muzium (Hidayah & Yuszaidy, 2017).

Muzium merupakan sebuah institusi pendidikan tidak formal. Pada masa kini, pendidikan tidak formal juga penting sebagaimana pendidikan formal di semua peringkat. Pendidikan tidak formal tidak terhad untuk sesetengah golongan tetapi ia lebih luas untuk semua golongan dan lapisan masyarakat. Budaya, sejarah dan warisan yang ada di Malaysia dapat diperkenalkan dengan lebih mendalam. Oleh itu, pendidikan tidak formal dapat dilaksanakan melalui muzium ini. Bukan itu sahaja, muzium ini juga berperanan dalam pelbagai aspek pendidikan supaya setiap masyarakat dapat mengenali warisan, sejarah dan budaya yang ada di negara ini (Hidayah & Yuszaidy, 2017)

British telah memperkenalkan Institusi Muzium pertama kali di Tanah Melayu. Pada tahun 1883, Muzium Perak di Taiping merupakan muzium yang pertama ditubuhkan oleh Residen British Perak ketika itu Sir Hugh Low telah mengarahkan Leonard Wray Junior, yang telah mengumpulkn bahan berkaitan dengan sejarah, etnologi, geologi, sosio-ekonomi, botani dan zoologi daripada Pegawai Penguatkuasa Taman Bukit Larut mengumpulkan bahan Seterusnya, di Selangor pada tahun 1907 telah menubuhkan Muzium Selangor. Oleh itu, Jabatan Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah diuruskan dibawah pengurusan Muzium Perak dan Selangor apabila disatukan pada tahun 1910 (Cordier, 2019)

Ketika peperangan berlaku pada tahun 1945 bertarikh 10 Mac, Muzium Selangor sebahagiannya telah roboh akibat terkena bom disebabkan kesilapan juruterbang tentera udara terikat dan menyebabkan sebahagian besar artifak musnah. Selepas negara mencapai kemerdekaan, seorang arkitek telah dilantik oleh kerajaan untuk membina bangunan khas negara iaitu Muzium Negara. Oleh itu, pada 31 Ogos 1963, Muzium Negara telah dibuka secara rasmi (Ismail, 1998)

Muzium memainkan peranan yang penting sebagai institusi dalam mengumpul, menjaga, merawat serta mempamerkan warisan ketara dan warisan tidak ketara sejarah sesuatu budaya dan bangsa. Berdasarkan pengumpulan dan pemeliharaan artifak warisan seni budaya merupakan idea awal penubuhan muzium. Masyarakat dapat mengenal seni budaya warisan apabila dipamerkan dan mereka juga dapat didikan tentang warisan budaya. “ A university of the common man “ telah diumpamakan oleh Germain Bazin (1967). Beliau menyatakan bahawa muzium merupakan sebuah universiti yang umum. Seterusnya, peranan muzium adalah institusi penyampaian maklumat, (Mark Lilo 1995). Ini dikatakan bahawa siapa yang berada di muzium, mereka memperoleh pengalaman dan pengetahuan yang sangat berharga (Ahmad Farid Abd Jalal & Rahim, 2020)

Kini, pusat pendidikan Muzium yang terdapat di Malaysia semakin berkembang dengan lebih luas. Dibawah pentadbiran Jabatan Muzium dan Antikuiti adanya muzium-muzium persekutuan. Manakala di bawah pentadbiran kerajaan negeri pula masing-masing mempunyai muzium-muzium Negeri. Malah “jabatan dan institusi tertentu” serta pihak swasta telah menubuhkan Muzium swasta (Ismail, 1998) . Pada masa kini, Jabatan Muzium Negara mempunyai sebanyak 189 buah muzium termasuk muzium di bawah kerajaan, persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan institusi-institusi pendidikan (Law, 2017). Di Malaysia terdapat pelbagai jenis muzium samada muzium sejarah dan budaya. Antara jenis-jenis muzium ialah mengikut tema bahan yang akan dipamerkan seperti flora, fauna, sejarah, dokumen(arkib), arkeologi, geologi, sains, teknologi dan angkasa lepas. Kebanyakan pendidikan muzium ini terdapat dalam mata pelajaran

sekolah samada dalam bidang sains sosial (seperti sejarah, geografi, kesusasteraan kebudayaan dan kesenian) mahupun sains tulen (A. B. S. Kechot, 2010).

2.2 Galeri Darurat Bukit Kepong

Galeri Darurat Bukit Kepong ini wujud selepas berlakunya insiden tragis dalam sejarah Malaysia semasa pemberontakan komunis. Tragedi ini berlaku di Balai Polis Bukit Kepong di Muar, Johor pada 23 Februari tahun 1950 (Mahmud, 2003). Galeri Darurat Bukit Kepong telah dibina di Balai Polis Bukit Kepong iaitu di Labis, Bukit Kepong, Johor. Ketika pada masa itu, ia telah menjadi zaman darurat di seluruh negara. Selain itu, Balai Polis Bukit Kepong telah diserang dengan ganas daripada pengganas komunis. Ia juga telah mengorbankan pasukan keselamatan iaitu polis dan orang awam. Galeri Darurat Bukit Kepong juga telah menyimpan beberapa khazanah berkaitan dengan tragedi tersebut seperti pakaian polis, senjata dan sebagainya. Hal ini demikian kerana untuk mengingati perjuangan pasukan keselamatan yang bertungkus lumus untuk mempertahankan kedaulatan negara. Bukan itu sahaja, ia menggambarkan semangat perpaduan antara penduduk kampung yang turut memberi bantuan kepada pasukan keselamatan untuk menentang komunis. Galeri ini merupakan sebuah negeri yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan bersama-sama Polis DiRaja Malaysia. DYMM Sultan Johor telah merasmikan Galeri Darurat Bukit Kepong (Ahmad Ali Karim, 2018)

2.3 Konsep Nasionalisme

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2022) , nasionalisme adalah perasaan cinta terhadap bangsa dan negara sendiri. Bukan itu sahaja ia adalah pergerakan dalam mencapai kebebasan ekonomi dan politik daripada kuasa asing dengan mempunyai semangat kebangsaan (Dewan bahasa dan pustaka, 2022). Anderson menyatakan dalam ceramahnya, Nasionalisme mempunyai kebesaran jiwa bangsa sebagai bangsa majmuk dalam kepentingan masyarakat (Kusumawardani & Psikologi, 1951) Oleh itu, nasionalisme atau

semangat nasionalisme, atau semangat nasionalisme merupakan satu projek bersama yang mesti sentiasa diperjuangkan. Menurut beliau juga, di Indonesia dalam sejarah perjuangan kemerdekaan, nasionalisme dikatakan sebagai sebuah kata sakti yang mampu membangkitkan kekuatan dalam perjuangan untuk melawan penindasan yang telah dilakukan oleh kaum kolonialis selama beratus-ratus tahun lamanya. Sejarah pembentukan kebangsaan Indonesia dapat dialami melalui perbezaan etnik, budaya dan agama (Kusumawardani & Psikologi, 1951)

Nasionalisme pada abad-19 mempunyai ideologi politik yang berpengaruh apabila dijajah untuk menuntut kemerdekaan daripada penjajah walaupun telah wujud pada abad-12. Di Asia penjajah berusaha menuntut kemerdekaan dan dari situlah bermulanya semangat Nasionalisme. Oleh itu, ia dapat membentuk satu negara yang berasaskan kewarganegaraan bagi masyarakat tidak kira dalam bidang politik atau sosio-budaya. Secara umumnya, nasionalisme merupakan satu kefahaman atau semangat kebangsaan. Nasionalisme digunakan atas penjelasan sikap dan pendekatan berkaitan dengan bangsa dan negara dalam perjuangan menentang kolonial. Nasionalisme ialah satu gerakan yang mencerminkan “a state of mind, in which the supreme loyalty of the individual is felt to be due the nation-date...”. Ia membawa maksud satu gerakan nasionalisme itu adalah kesetiaan seseorang hanya untuk negara atau bangsanya (Hamil, Mohd Faidz Mohd Zain & Razak, Mohd Rizal Mohd Yaakob, 2011).

Secara etimologis, “nation” berasal dari perkataan Latin *natio* yang mempunyai kata akar nasci dengan penggunaan kata klasik yang cenderung kepada makna yang negatif. Hal ini demikian kerana, menurut Romawi perkataan nasci ini telah digunakan oleh masyarakat Rom kuno untuk merujuk kepada kaum, suku, atau keturunan seseorang yang dianggap kurang sopan atau sosial tertentu. Fenomena sejarah nasionalisme yang berkembang adalah akibat keadaan politik, ekonomi dan sosial. Oleh itu, makna nasionalisme juga berkembang dengan sendiri. Menurut Winarni (2014) nasionalisme membawa maksud kepercayaan terhadap kesetiaan tertinggi individu yang perlu diserahkan kepada negara. Nasionalisme

juga wujud disebabkan kemunculan penjajah sehingga beberapa negara dijajah, nasionalisme dan kolonialisme yang tidak dapat dipisahkan dari satu sama lain (Naim, n.d.)

2.4 Pelawat atau Pengunjung

Pelawat merupakan pengembara yang mengambil perjalanan ke destinasi utama di persekitaran bagi tempoh kurang daripada satu tahun dengan tujuan utama seperti riadah dan sebagainya (Menurut Laimer, P. 2010) manakala definisi mengenai pelancong membawa maksud sama dengan pengunjung. Pengertian berkenaan pelancongan dan elemen dalam industri pelancongan sangat jelas khususnya World Tourism Organization yang merujuk kepada aktiviti pengembaraan seseorang ke sesuatu tempat luar daripada persekitaran tetapnya (Mempengaruhi & Pengunjung, 2013)

Perkataan *tourism* merupakan perkataan daripada Latin dan Greek yang membawa maksud pergerakan antara dalam satu bulatan. Pelancongan telah didefinisikan oleh Jafari pada tahun 1977, beliau mengatakan satu kajian dalam habitat semulajadi bertentangan dengan manusia. Bukan itu sahaja, beliau mengatakan bahawa manusia juga terlibat dalam industri yang bertindak sebagai keperluan dan memberi kesan dari sudut sosiobudaya, ekonomi dan persekitaran. Seterusnya, Leiper, N. (1981), menjelaskan pelancongan sebagai, sesuatu yang mempunyai hubungan yang terbuka dalam persekitaran yang luas berdasarkan elemen manusia, kawasan, ekonomi dan dinamik. Setiap elemen mempunyai pentaksiran sendiri dan ia akan berkait dengan pelancong atau pelancongan sesuatu kawasan (Mempengaruhi & Pengunjung, 2013).

2.5 Teori Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih teori Ernest Gellner (1983) iaitu *Nations and Nationalism*. Dalam karya beliau tersebut telah mencerminkan kekeliruan yang berleluasa antara teori negara dan teori nasionalisme. Dalam aspek pertama yang sesuai adalah kerangka teori pemodenan. Gellner memanggilnya sebagai “peralihan” daripada masyarakat tradisional kepada masyarakat industri.. Dalam teori ini mereka mempunyai akses kepada "tradisi dan kehebatan". Apa yang Gellner panggil 'nasionalisme' di sini, sebenarnya, adalah satu bentuk kesedaran kolektif yang baru, perasaan kekitaan kepada inovasi ini, iaitu bangsa dan negara. Sentimen sebegitu seharusnya tidak mencerminkan sebarang kecenderungan ideologi, nasionalis. Malah, teori Gellner setakat ini memberi amaran bahawa sekolah 'pembangunan negeri' dalam integrasi nasional adalah isu utama yang dipertaruhkan dan dilihat bergantung kepada homogenisasi budaya dalam konteks sosio-ekonomi dan pemodenan yang dipimpin oleh negara. Hall (1993) menggunakan ujian yang baik untuk kesejagatan teori Gellner apabila dia menunjukkan bahawa 'ia gagal menjelaskan yang pertama kemunculan nasionalisme di Britain dan Perancis abad kelapan belas' mengikut definisi sejak tahun kedua-dua negara ini, '*sentimen nasionalis jelas wujud sebelum kemunculan industri*' (Hall, 1993, hlm. 5). Sesungguhnya, ini adalah petunjuk tambahan bahawa Gellner tidak berminat dengan nasionalisme sebagai ideologi, tetapi dalam pembentukan negara dan kenegaraan. Oleh itu, teori yang dikaji sehingga kini adalah teori pembentukan negara, atau pembentukan negara, bukannya teori nasionalisme (Jaffrelot, 2005)

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini, metodologi sangat penting bagi memberi panduan bagaimana data di ambil dan di kumpulkan. Metodologi kajian merupakan salah satu cara yang digunakan untuk mencapai objektif dengan cemerlang (Bash, 2015). Dalam bab ini, pengkaji telah menjelaskan metodologi kajian yang telah digunakan seperti pendekatan kajian, rekabentuk kajian, teknik pengumpulan data, pensampelan dan analisis data. Metodologi yang tidak jelas, boleh menyebabkan data dan keputusan kajian yang salah. Oleh itu, metodologi kajian perlu diperhalusi supaya hasil kajian diperolehi dengan tujuan mendapatkan hasil kajian yang kukuh dalam menyokong sesuatu kajian yang berkualiti.

3.2 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam proses penghasilan kajian ini adalah kajian kes. Kajian kes merupakan pendekatan yang biasa digunakan untuk menyokong sesuatu siasatan dengan lebih terperinci. Reka bentuk kajian kes lebih sistematik dalam pengumpulan data yang melibatkan tingkah laku, keadaan sosial atau peristiwa. Selain itu, kajian kes digunakan untuk menyelidik sesuatu peristiwa pada perspektif yang luas serta memfokuskan kepada persektif khusus (Yusof, 2019) Kebanyakan sarjana bersetuju bahawa kajian kes bukanlah kaedah tertentu tetapi adalah strategi. Yin (1994) menyatakan bahawa kajian kes sebagai “inkuiri empirikal yang menyiasat fenomena dalam kontemporari dalam konteks kehidupan sebenar, terutamanya konteks tidak jelas dan bergantung pada pelbagai sumber bukti. Pengkaji yang menggunakan strategi kajian kes adalah hanya sengaja mengkaji keadaan kontekstual. Yin (1994) kajian kes tidak boleh dikelirukan dengan kajian kualitatif (Giner et al., 1977)

Kebiasaannya kajian kes banyak menggunakan pelbagai sumber data termasuk dua atau beberapa sumber seperti pemerhatian dan temu bual bersama pihak Galeri Darurat Bukit

Kepong. Oleh itu, kajian kes ini dapat membantu pengkaji untuk memperolehi keputusan yang berkualiti.

3.3 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian disediakan adalah disebabkan salah satu tujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan yang disediakan oleh pengkaji (NUR, 2007). Reka bentuk kajian yang telah digunakan oleh pengkaji adalah reka bentuk kajian kualitatif dan kuantitatif. Hal ini demikian ia merupakan rekabentuk campuran iaitu gabungan data kuantitatif dan kualitatif. Selain itu, rekabentuk kajian campuran ini merupakan pengumpulan data analisis dan gabungan kedua-dua kajian kuantitatif serta kualitatif (Creswell, n.d.).

Rekabentuk kajian ini akan memudahkan tugas pengkaji bagi melakukan kajian tanpa perlu menghadkan kaedah kajian samada kualitatif ataupun kuantitatif. Pengkaji boleh bebas menentukan pilihan dalam bentuk atau model yang paling sesuai untuk kajian penyelidikan. Melalui rekabentuk kajian yang dipilih ini, pengkaji akan melakukan proses kajian seterusnya dalam bentuk kaedah kualitatif dan kuantitatif.

Seterusnya, pengkaji akan merekod segala maklumat yang berkaitan dengan menggunakan kamera atau perakam untuk pengambilan nota supaya data yang disampaikan dapat disimpan dengan lebih sistematik. Data primer dan data sekunder akan digunakan untuk pengumpulan data. Data-data yang diterima pengkaji juga akan dianalisis. Kemudian, pengkaji akan menggunakan temul buat serta pemerhatian dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Internet, jurnal, apa-apa bahan percetakan juga merupakan sumber-sumber rujukan pengkaji dalam penulisan penuh.

3.4 Unit Analisis

Unit analisis merupakan salah satu komponen yang utama dalam kajian. Dalam unit analisis ini, ia melibatkan pengkajian tentang sesuatu objek seperti lokasi, manusia dan sebagainya. Dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan kepada peranan Galeri Darurat dalam membangkitkan semangat nasionalisme terhadap pelawat. Selain itu, kajian ini juga pengkaji telah memilih lokasi Galeri Darurat Bukit Kepong di Muar Johor kerana galeri ini merupakan salah satu sebuah bangunan warisan peperangan yang meninggalkan sejarah ketika peperangan yang terdapat di Johor dan mempunyai elemen-elemen semangat nasionalisme.

Unit analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah Galeri Darurat Bukit Kepong. Pengkaji memilih lokasi ini kerana berdekatan dengan rumah. Selain itu, Galeri Darurat Bukit Kepong kurang mendapat perhatian daripada masyarakat.

3.5 Kaedah Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kajian yang telah digunakan adalah kaedah kualitatif seperti kaedah temu bual dan pemerhatian. Kaedah kualitatif merupakan salah satu kajian penyelidikan di mana bergantung terhadap pihak yang terlibat seperti pihak pengurusan Galeri Darurat Bukit Kepong. Seterusnya kaedah kajian yang telah digunakan adalah kaedah kuantitatif seperti soal selidik secara umum atas pengetahuan individu terhadap pengurusan Galeri Darurat Bukit Kepong.

3.5.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah ini memberatkan usaha dalam mencari keterangan serta pemerhatian walaupun keterangan merujuk kepada statistik (Hamzah, 2004). Penyelidikan kualitatif mempunyai data tersendiri. Temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen merupakan bentuk data kualitatif. Bab ini pengkaji akan mengupas dengan mendalam bentuk data dan kelemahan metodologi bagi data-data yang dikumpul (Jasmi, 2012). Oleh itu dalam kajian ini,

pengkaji akan temu bual pihak pengurusan Galeri Darurat Bukit Kepong dengan tujuan mencapai objektif dengan tepat dan berkualiti.

3.5.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif adalah satu kaedah yang menggunakan analisis yang statistik dan ia lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Kaedah kuantitatif memberikan hasil kajian yang berlainan dengan jangkaan penyelidikan kerana ia memainkan peranan yang penting dalam bidang penyelidikan berasaskan sains dan sosial. Selain itu, kaedah akan mempamerkan hasil kiraan maklumat berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Data akan dikumpul melalui kaedah kuantitatif. Pendidikan, sains politik, dasar awam, psikologi, dan sosiologi. Dalam penyelidikan kuantitatif sains sosial para penyelidik menganalisis data untuk memahami dan menyelesaikan masalah tentang masyarakat dan tingkah laku manusia. Tingkah laku dan personaliti termasuk budaya manusia akan menjadi data kepada penyelidik dalam menjalankan penyelidikan mereka (Marican, 2005). Dalam kaedah ini, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik yang berstruktur diatas talian dengan menggunakan aplikasi *Google Form*. Pengkaji telah membuat edaran di media sosial secara umum terhadap kajian tentang Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme. Selain itu, pengkaji sentiasa membuat pemantau terhadap jumlah bilangan responden yang telah menjawab bagi mencapai sasaran pengkaji iaitu sebanyak 300 dengan menggunakan jadual Krejcie & Morgan (1970)

3.6 Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data adalah proses mengumpul data dengan lebih relevan. Kemudian, teknik pengumpulan data dibahagikan kepada dua bahagian iaitu data primer dan data sekunder. Antara bentuk instrument yang boleh digunakan dalam mengumpul data adalah seperti rakaman video atau audio, dokumen, temu bual, surat khabar, pemerhatian dan sebagainya.

3.6.1 Data Primer

Data primer adalah data yang berasal daripada sumber asli dalam menjawab persoalan kajian. Data dikumpul oleh penyelidik setelah melaksanakan kajian lapangan seperti temu buat dan pemerhatian.

Menurut Yusof (2003), data primer merupakan data yang asal iaitu data daripada sumber asli yang dikumpulkan bagi menjawab persoalan kajian.

Data yang dikumpul adalah merangkumi dari segi soal selidik, pemerhatian, temu bual dan sebagainya (Nordin & Hassan, 2019).

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Dalam Kaedah temu bual ini, pengkaji telah dijalankan dalam masa yang ditetapkan dan kebenaran yang diberi daripada pihak pengurusan Galeri Darurat Bukit Kepong. Kemudian, kaedah pemerhatian digunakan supaya pengkaji dapat maklumat yang terperinci.

i) Temu Bual

Kaedah temu bual digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan informan dengan lebih jelas. Oleh itu, pengkaji telah turun ke kajian lapangan untuk sesi temu bual bersama pihak pengurusan. Segala hasil mengumpul maklumat telah disimpan serta direkodkan di dalam video, audio, dan nota. Temu bual ini dijalankan dengan tujuan untuk mendapatkan maklum balas yang sah dan merekod dengan jitu dan sempurna (A. S. Kechot, 2015)

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah temubual. Kaedah temubual ini merupakan salah satu proses pengumpulan data secara bersemuka dengan pihak Galeri Darurat Bukit Kepong. Hal ini demikian kerana ianya dapat memberi maklumat secara langsung kepada pengkaji

ii) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian adalah satu cara pengumpulan data dengan mengkaji secara langsung. Kaedah ini adalah salah satu teknik penyelidikan yang sering digunakan. Pengkaji telah menggunakan kaedah ini dalam menjalankan kajian di Galeri Darurat Bukit Kepong (Bash, 2015) Selain itu, kaedah pemerhatian juga telah digunakan oleh pengkaji kerana ini merupakan proses yang dibuat oleh pengkaji untuk meneliti pengurusan yang dibuat oleh pihak Galeri Darurat Bukit Kepong menitikberatkan untuk membangkitkan semangat nasionalisme. Setiap kaedah yang telah digunakan dapat membantu pengkaji terutamanya dalam mendapatkan sumber maklumat. Segala data pemerhatian dapat membantu pengkaji mencapai objektif kajian iaitu peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat.

iii) Borang soal selidik.

Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik di media sosial kepada beberapa responden secara rawak yang melibatkan masyarakat untuk membantu pengkaji dalam memberikan maklumat berkaitan dengan peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme sebagai pelawat.

Hal ini demikian kerana, responden dapat membantu pengkaji dalam menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Tambahan pula, kaedah ini membantu pengkaji untuk mengenalpasti potensi peranan galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme terhadap kalangan pelawat. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa masyarakat menjadi tumpuan utama sebagai responden kerana mereka lebih mengetahui tentang Galeri Darurat Bukit Kepong.

3.6.2 Data Sekunder

Data Sekunder adalah data yang dikumpul oleh pengkaji lain dimana pada awalnya dikumpul bagi tujuan lain, tetapi ia sesuai digunakan untuk menjawab soalan persoalan kajian yang telah dijalankan oleh setiap pengkaji masa kini dan yang akan datang. Sumber sekunder terdiri daripada rujukan dari segi bahan atau data yang diperolehi daripada akhbar dan didokumentasikan. Antaranya ialah perpustakaan, buku dan lama sesawang (Marican, 2005)

i) Perpustakaan

Pengkaji menggunakan rujukan yang terdapat di perpustakaan awam dan perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan misalnya, buku, jurnal atau artikel dan sebagainya yang sedia ada. Sorotan Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ialah kaedah rujukan perpustakaan dan internet kerana ianya memudahkan pengkaji dalam mendapatkan sumber maklumat terutamanya mengenai kebangkitan semangat nasionalisme dalam masyarakat.

ii) Internet

Internet merupakan salah satu kaedah yang laman webnya rasmi atau tidak rasmi. Internet merupakan rangkaian komputer antarabangsa

yang membolehkan berhubung ke seluruh dunia dalam mencapai maklumat pangkalan data di seluruh dunia (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022) Pengkaji akan menggunakan internet dengan bertujuan untuk menambahkan lagi maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan iaitu maklumat Galeri Darurat Bukit Kepong. Antara laman web yang telah digunakan oleh pengkaji seperti *Google*, *Google scholar*, *Academia*, *Scrib* dan sebagainya.

iii) Jurnal

Pengkaji juga akan mencari sumber daripada jurnal sebagai sumber rujukan dengan tujuan untuk menyiapkan kajian ini. Jurnal adalah salah satu sumber yang bermanfaat terhadap pengkaji kerana isi kandungannya dapat menambahkan idea dan maklumat kepada pengkaji. Jurnal juga sangat penting dalam membuat kajian. Hal ini demikian kerana, maklumat di dalam jurnal mempunyai kesahihan .

iv) Surat Khabar Online

Surat khabar atas talian juga dapat membantu pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Hal ini demikian kerana, surat khabar talian dapat memberikan maklumat dengan sahih dan segala maklumat data dapat dijumpai melalui berita semasa. Surat khabar atas talian seperti sinar, harian dan sebagainya. Rujukan ini adalah berkaitan dengan kajian melalui carian di internet. Melalui carian ini, pengkaji dapat menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti serta bermanfaat kepada semua masyarakat tidak kira pada masa kini dan pada masa akan datang.

3.7 Persampelan

Pensampelan adalah salah satu aspek penting yang perlu dilaksanakan ketika pengkaji membuat penyelidikan. Hal ini demikian kerana, pengkaji dapat menentukan kesahihan dan kebolehpercayaan terhadap hasil kajian. Penggunaan pensampelan bertujuan untuk memudahkan pengkaji menentukan responden yang khusus serta sesuai dengan objektif kajian. Dengan adanya teknik persampelan, pengkaji dapat membuat inferen secara keseluruhan penemuan yang didapati berdasarkan sampel (صباحي, n.d.)

Teknik pensampelan terbahagi kepada dua iaitu kebarangkalian dan tidak kebarangkalian (Yusof, 2019). Teknik pensampelan yang digunakan oleh pengkaji ialah teknik pensampelan kebarangkalian dan teknik rawak mudah dengan data kuantitatif. Terdapat dua teknik yang telah digunakan oleh pengkaji iaitu teknik persampelan bertujuan. Teknik persampelan bertujuan ini adalah pengkaji akan memilih responden yang terdiri daripada pihak pengurusan Galeri Darurat Bukit Kepong. Selain itu, persampelan rawak mudah yang merupakan teknik di mana setiap item dalam populasi mempunyai peluang dan kemungkinan yang sama untuk dipilih. Di sini, pemilihan item bergantung sepenuhnya pada nasib atau kebarangkalian; oleh itu, teknik persampelan ini juga kadangkala dikenali sebagai kaedah peluang (*Simple Random Sampling: Definition and Examples*, n.d.) Kaedah ini melibatkan responden yang untuk menjawab soal selidik telah ditetapkan oleh pengkaji. Responden yang menjawab soalan pada borang selidik adalah seramai 200 orang dengan menggunakan "sample Size Calculator" dari jumlah yang ditetapkan iaitu 300 responden

Seterusnya, pengkaji juga menggunakan kaedah bola salji (snowball sampling). (Faugier, 1997) menyatakan bahawa pensampelan bola salji digunakan untuk untuk menyelesaikan masalah pensampelan data dalam kajian populasi tersembunyi. Teknik snowball dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang Galeri Darurat Bukit Kepong daripada pihak pengurusan yang terlibat. Bukan itu sahaja, teknik ini akan memudahkan pengkaji mengenalpasti pihak yang akan disoal selidik ketika sesi temu bual dijalankan.

3.7.1 Limitasi Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pengkaji (Scribd, 2017). Masalah utama yang dihadapi oleh pengkaji adalah kekurangan kerjasama daripada responden dalam proses pengumpulan data. Hanya 50% sahaja pengembalian borang soal selidik. Selain itu, pengkaji telah mengambil masa yang singkat dalam pengedaran boring soal selidik kepada responden. Bukan itu sahaja, pengkaji juga tidak mengkhususkan responden yang terdiri daripada pelawat yang hadir ke Galeri Darurat Bukit Kepong

3.8 Analisis Data

Analisis data ialah satu proses memeriksa, membersihkan, mengubah dan memodelkan data dengan tujuan mencari maklumat yang berguna, memaklumkan kesimpulan dan menyokong pembuatan keputusan. Analisis data itu sendiri mempunyai banyak aspek dan pendekatan yang merangkumi pelbagai teknik di bawah pelbagai nama, dan digunakan dalam domain perniagaan, sains dan sains sosial yang berbeza (cloudhost, 2020). Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan teknik analisis termatik oleh Brown & Clark (2006)

Langkah pertama yang perlu dilakukan oleh pengkaji ialah proses transkripsi data. Proses ini adalah memindahkan rakaman perbualan dalam bentuk tulisan. Oleh itu, ia dapat, membolehkan pengkaji untuk menyusun dan menulis dengan lebih teratur supaya lebih jelas. Hal ini demikian kerana, pengkaji dapat mengenalpasti isi penting dan utama dalam kajian. Selepas itu, pembacaan semula perlu dibuat oleh pengkaji kerana setiap penulisan dan jawapan daripada responden daripada temu bual dan soal selidik perlu dimasukkan ke dalam laporan. Segala jawapan yang telah dicatat telah disusun semula mengikut keputusan temu bual dan edaran borang soal selidik telah dijalankan. Oleh itu, maklumat dalam hasil temu bual tidak tercicir. Langkah seterusnya ialah pengkaji menentukan tema yang diperolehi melalui daripada pembacaan semula jawapan responden.

Seterusnya, pengkaji mestilah memastikan ayat disusun dengan baik supaya mudah difahami oleh pembaca. Kemudian, pengkaji perlu pastikan segala maklumat daripada

informan semuanya ditulis di dal penulisan dan tidak ketinggalan. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat menentukan tema yang berkaitan dengan objektif yang dilakukan dengan kajian peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Dalam proses ini, isi-isi penting dapat dilihat dan difahami supaya matlamat kajian dapat dicapai.

Setelah membuat transkripsi data, pengkaji perlu melakukan pembacaan dan penentuan data yang penting. Seperti mengkategorikan dan membuat pembahagian mengikut objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji bagi membuat pemilihan bagi kod kumpulan. Penyusunan data-data ini sangat penting supaya segala persoalan dapat dijawab. Daripada hasil penentuan tema yang dipilih, pengkaji akan memilih kod kumpulan sasaran yang sesuai untuk dikategorikan dalam kajian ini. Sebagainya contoh jantina, umur, bentuk penceritaan yang berlaku dalam kategori yang bersesuaian dalam hasil jawapan dalam borang soal selidik yang dijawab oleh responden. Kemudian, langkah seterusnya adalah pemilihan sub-kumpulan bagi kod kumpulan yang telah dikategorikan oleh pengkaji. Sub-kumpulan akan dipecahkan mengikut kategori bagi maklumat yang bentuk takrifanserta hujahan dan jawapan berkaitan soal selidik.

Seterusnya, langkah melakukan proses traingulasi terhadap gabungan sumber data yang diperolehi daripada hasil temu bual dan juga soal selidik yang telah dijalankan. Kesemua sumber data daripada data primer iaitu soal selidik dan sekunder iaitu temu bual telah digabungkan bagi melengkapkan maklumat dapatan pengkaji.

Langkah akhir yang perlu dilakukan oleh pengkaji ialah proses triangulasi terhadap penggunaan sumber data yang diperolehi seperti teori, teknik metodologi sepanjang kajian ini dijalankan. Hal ini demikian, pengkaji perlu memastikan ia mempunyai hubungkait dalam kajian. Segala sumber rujukan seperti sumber temu bual, pemerhatian, jurnal, internet dan sebagainya perlu digabungkan.

Data kuantitatif dianalisis melalui instrument soal selidik. Responden bagi kajian ini terdiri daripada masyarakat di pelbagai negeri. Teknik persampelan kebarangkalian secara rawak telah digunakan dalam pemilihan responden seramai 154 dengan menggunakan "sampling size calculator" kerana aplikasi ini menggunakan formula penentuan sampel populasi oleh Krejcie & Morgan mempunyai tahap keyakinan dan kebolehpercayaan sebanyak 90%. Bagi bahagian demografi, jenis item soal selidik adalah item pilihan tunggal iaitu single-choice item. Berdasarkan pernyataan yang diberikan responden di minta untuk membuat pilihan yang bersesuaian. Skala likert telah digunakan dalam borang soal selidik pengkaji iaitu penggunaan perisian statistical package for social sciences (SPSS) edisi 26 telah digunakan untuk menganalisis data.

3.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, melalui kajian yang dijalankan dapat membantu pengurusan Galeri Darurat Bukit Kepong dapat membangkitkan semangat nasionalisme. Semangat nasionalisme sangat penting dalam diri sendiri supaya dalam memberi kesedaran bahawa setiap perjuangan mestilah dijadikan sebagai tauladan untuk kedaulatan negara. Bukan itu sahaja, ia menjadi salah satu fenomena yang sejagat dalam mengiktiraf hak setiap bangsa untuk negaranya dan menegakkan kedaulatan rakyat yang setia terhadap negara. Oleh itu, nasionalisme ini menggambarkan perasaan cinta dan taat yang setia dalam mendorong keinginan dan keazaman bagi menjuang yang membebaskan tanah air daripada pemerintahan berkuasa. Walaupun negara telah mendapat kemerdekaan kita sebagai seorang rakyat dan bangsa negara perlu menitikberatkan nasionalisme dalam diri sendiri supaya dalam kemerdekaan dapat bertahan dan tidak dikuasai oleh pemerintah asing.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dalam bahagian ini telah membincangkan mengenai hasil dapatan kajian berdasarkan objektif kajian yang diperolehi oleh pengkaji sewaktu proses pengumpulan data yang dilakukan terhadap para responden yang terlibat. Segala maklumat terdiri daripada data-data yang dikumpul melalui proses temuramah, borang soal selidik dan pemerhatian. Dapatan kajian ini mengandungi maklumat dan data yang lengkap berkenaan Galeri Darurat Bukit Kepong. Dalam bab 4 juga, daripada hasil kajian lapangan yang diperolehi pengkaji telah dianalisis data dari semasa ke semasa. Segala data yang diperolehi adalah berdasarkan hasil pemerhatian, temuramah dan soal selidik yang menfokuskan peranan pihak berkepentingan terhadap kelestarian Galeri Darurat Bukit Kepong.

4.1 Data Demografi Responden

Data ini mengandungi data-data yang berkaitan dengan latar belakang sosio demografi para responden yang terlibat dalam melengkapkan kajian ini. Setiap maklumat ini diperolehi berdasarkan bahagian-bahagian soalan yang telah dijawab oleh responden secara rawak melalui pautan *google form*. Maklumat-maklumat tersebut berdasarkan dengan jantina, umur, bangsa, status, negeri, tahap pendidikan dan pekerjaan. Seramai 154 masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa yang terlibat dalam kajian peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme. Seramai 117 atau 76% responden daripada jantina perempuan manakala responden lelaki seramai 37 atau 24%. Maklumat responden telah dibahagikan ke dalam bentuk rajah seperti yang ditunjukkan di bawah.

Jantina	Frekuensi	Peratusan%
Lelaki	37	24.0
Perempuan	117	76.0
Total	154	100.0

Jadual 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Sumber : Kajian Lapangan 2023

Bangsa	Frekuensi	Peratusan %
Cina	8	5.2
India	2	1.3
Melayu	144	93.5
Total	154	100.0

Jadual 4.1.2 : Taburan Responden Mengikut Bangsa

Sumber : Kajian Lapangan 2023

Merujuk jadual 4.1.2 majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada masyarakat Melayu seramai 144 atau 93.5% responden. Seterusnya, diikuti dengan bangsa Cina seramai 8 atau 5.2% responden dan responden paling rendah terdiri daripada bangsa India iaitu seramai 2 atau 1.3% responden.

	Frekuensi	Peratusan (%)
13 - 17 Tahun	3	1.9
18 - 22 Tahun	25	16.2
23 - 27 Tahun	94	61.0
28 - 32 Tahun	12	7.8

33 - 37 Tahun	7	4.5
38 - 42 Tahun	10	6.5
43 - 47 Tahun	2	1.3
48 Tahun dan keatas	1	0.6
Total	154	100.0

Jadual 4.1.3 : Taburan responden mengikut umur

Sumber : Kajian Lapangan 2023

Seterusnya, merujuk jadual 4.1.3 yang menunjukkan kategori umur responden yang terlibat dalam kajian ini bermula dengan umur 13-17 tahun sehingga 48 tahun keatas. Peratusan paling rendah dalam kajian ini adalah daripada kategori umur 48 tahun dan keatas seramai 1 responden atau 0.6%. Manakala responden yang paling tinggi dalam kajian ini adalah daripada kategori 23-27 tahun seramai 194 responden atau 61.0. Responden kedua yang tertinggi dari kategori umur 18-22 tahun seramai 25 atau 16.2% responden. Seterusnya diikuti daripada kategori umur 28-32 tahun seramai 12 responden iaitu 7.8% responden. Seramai 10 atau 6.5% responden mewakili umur kategori 38-42 tahun dan umur kategori 33-37 tahun seramai 7 atau 4.5% responden. Akhir sekali kategori umur 13-17 tahun seramai 3 (1.9%) responden, manakala selebihnya terdiri daripada kategori umur 43-47 tahun seramai 2 atau 1.3% responden.

4.1.2 Bentuk penceritaan dalam Galeri Darurat Bukit Kepong

No	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	Terdapat banyak gambar yang berkenaan dengan sejarah Bukit Kepong di dalam Galeri Darurat Bukit Kepong	1(0.6%)	0(0.0%)	21(13.6%)	57(37.0%)	75(48.7%)
2	Terdapat tayangan video ringkas yang menceritakan tentang peperangan yang berlaku di Bukit Kepong			24(15.6%)	56(36.4)	74(48.1)
3	Terdapat banyak peralatan peperangan Jepun dan Malaysia serta artifak yang dipamerkan untuk membuktikan	1(0.6%)	1(0.6%)	24(15.6%)	61(39.6%)	67(43.5%)

	bahawa kawasan Bukit Kepong pernah dijajah oleh komunis					
4	Terdapat replika- replika seperti pejabat pertanyaan, lopak dan sebagainya yang menunjukkan suasan yang berlaku di Bukit Kepong ketika dahulu		1(0.6%)	22(14.3%)	54(35.1%)	77(50%)

Jadual 4.1.4 : Taburan data responden berdasarkan mengenalpasti bentuk penceritaan dalam Galeri Darurat Bukit Kepong

Sumber : Kajian Lapangan 2023

Merujuk jadual 4.1.4 diatas, peratusan paling tinggi adalah kenyataan terdapat replika-replika seperti pejabat pertanyaan, lopak dan sebagainya yang menunjukkan suasan yang berlaku di Bukit Kepong ketika dahulu responden memilih sangat setuju dengan seramai 77 responden (50%).

Berdasarkan jadual 4.1.4 diatas, ia merupakan taburan data responden terhadap mengenalpasti bentuk penceritaan dalam Galeri Darurat Bukit Kepong. Ini merujuk bahawa responden mempunyai pengetahuan dalam pembedaan dari segi cerita yang disampaikan oleh Galeri Darurat Bukit Kepong dengan menggunakan pelbagai cara untuk pihak Galeri

menyampaikan sesuatu cerita tragedi Bukit Kepong. Seramai 154 responden telah menjawab bahagian ini untuk membantu pengkaji menghasilkan kajian Peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat.

Ketamadunan sesuatu sejarah yang ditinggalkan dalam bentuk komunikasi, penulisan reka bentuk bangunan serta lukisan merupakan salah satu bentuk penceritaan di dalam muzium, perpustakaan, galeri dan arkib di seluruh dunia. Hal ini demikian kerana ia dapat membentuk kontur pensejarahan dunia dalam satu tempoh waktu yang singkat. Selain itu, perkembangan awal ini menjadi lebih signifikan dengan keupayaan menginterpretasi evolusi komunikasi menerusi penulisan (Zulkifli, 2014).

“Bagaimana nak untuk jadi kesedaran kepada masyarakat yang datang. Macam mana mereka selamatkan Bukit Kepong daripada komunis yang diketuai oleh Sarjan Jamil Mohd Shahdan anggota dia. Semangat cintalan tanah air apabila tumbangya komunis menjajah kerana kalah terok di labis”

(Informan 1, Galeri Darurat Bukit Kepong, 27 September 2022)

Berdasarkan petikan informan diatas, pengkaji dapat merumuskan bahawa Galeri Darurat Bukit Kepong mempunyai bentuk penceritaan dari segi sejarah yang berlaku di galeri tersebut. Hal ini demikian kerana, pejuang-pejuang di Balai Polis Bukit Kepong pada tahun 1950, mereka mempunyai semangat nasionalisme dalam mempertahankan Balai Polis Bukit Kepong daripada serangan komunis iaitu Jepun. Seterusnya, galeri ini menceritakan tentang sejarah yang berlaku di Galeri Darurat Bukit Kepong iaitu komunis mengepung seluruh kawasan balai polis kerana mereka tidak mahu pejuang-pejuang keluar daripada kawasan tersebut.

Seterusnya, merujuk kepada hasil kajian berdasarkan jadual 4.4 di atas, analisis kajian yang dibuat berdasarkan bentuk penceritaan dalam Galeri Darurat Bukit Kepong telah memainkan peranan dalam sesebuah institusi kepada orang ramai. Hal ini dapat dilihat di jadual 4.4 dalam

item ketiga iaitu bentuk penceritaan dari segi banyak peralatan peperangan Jepun dan Malaysia serta artifak yang dipamerkan untuk membuktikan bahawa kawasan Bukit Kepong pernah dijajah oleh komunis. Dimana ia mencatatkan bentuk penceritaan ini di Galeri Darurat Bukit Kepong yang tinggi dengan seramai 67 responden (43.5%) menyatakan “sangat setuju”. Termasuklah bentuk ketara atau tidak ketara harta struktur atau artifak kebudayaan dan boleh termasuk perkara, objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzik warisan yang pentong kepada cara hidup rakyat Malaysia, dari segi sejarah atau semasa (Abd. Wahid Jais. & Abd. Aziz Abdul Rashid, 2007).

Data ini juga telah disokong oleh penyelia Galeri Darurat Bukit Kepong, dimana beliau juga menyatakan bahawa bentuk penceritaan ini juga bukan sekadar menceritakan tentang peperangan yang berlaku di Bukit Kepong tetapi masyarakat juga perlu mengetahui bentuk artifak yang ada di galeri ini.

“Galeri kami ini tidak boleh pameran berkaitan bukit kepong sahaja, pasal kalau pameran bukit kepong kami tak banyak barang artifak. Jadi galeri ini atau muzium kena letak pelbagai. Jadi untuk mencatatkan lagi dan banyakan sejarah komunis kami meletakkan pelbagai barang-barang artifak berkaitan dengan jepun. Naik jumpa bom (bom tidak meletup), pedang, samurai apa semua tetapi itu daripada Jepun. Kami jumpa di padang pagoh. Kami ada selitkan artifak komunis, british zaman komawel”

(Informan 1, Galeri Darurat Bukit Kepong, 27 September 2022,)

Secara rumusnya, bentuk penceritaan dari segi pelbagai artifak seperti alatan peperangan Jepun dan Malaysia membantu masyarakat untuk meningkatkan semangat nasionalisme serta mengingati pejuang pejuang yang mempertahankan negara kita daripada komunis. Oleh itu, pihak pengurusan sangat mementingkan artifak-artifak sebagai bukti Bukit Kepong ini

telah dijajah oleh komunis. Namun begitu, rujuk pada jadual 4.3 majoriti peringkat umur yang menjawab borang soal selidik ini sekitar umur 23 sehingga 27 tahun dengan seramai 94 responden (61%) yang mempunyai pengetahuan tentang nasionalisme berdasarkan artifak yang ada dalam galeri tersebut. Perkara ini dapat membuktikan bahawa golongan remaja pada masa kini sangat peka terhadap institusi pendidikan seperti Galeri Darurat Bukit Kepong dalam meningkatkan semangat nasionalisme. Bukan itu sahaja, mereka juga sangat peka terhadap pengetahuan nasionalisme berdasarkan artifak yang disediakan oleh pihak galeri.

4.1.3 Gambar dan Imej

Terdapat banyak gambar yang berkenaan dengan sejarah Bukit Kepong di dalam Galeri Darurat Bukit Kepong			
		Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju		1	0.6
Tidak Setuju		0	0.0
Neutral		21	13.6
Setuju		57	37.0
Sangat Setuju		75	48.7
Total		154	100.0

Jadual 4.1.5: Taburan data responden berdasarkan bentuk penceritaan dari segi gambar dan imej

Sumber : Kajian Lapangan 2023

Merujuk pada jadual 4.1.5 diatas, majoriti masyarakat sangat setuju bahawa bentuk penceritaan dari segi banyak gambar di dalam galeri dapat meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Hal ini disokong oleh data di atas yang menunjukkan seramai 75 atau 48.7% responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Tambahan pula, setiap muzium atau galeri mestilah mempamerkan visual yang berkaitan dengan

nasionalisme yang menceritakan para komunis membuat serangan terhadap Balai Polis Bukit Kepong. Menurut Jusoh melalui kaedah ini ilmu pengetahuan dapat disampaikan melalui koleksi yang dipamerkan dengan penggunaan teks dan kapsyen yang sesuai dengan kumpulan sasaran (A. B. S. Kechot, 2010). Oleh itu, pihak galeri sangat mementingkan proses awal dalam meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat dari segi pameran gambar gambar. Bukan setakat gambar suasana tetapi gambar gambar pejuang penjuang yang mempertahankan Balai Polis Bukit Kepong persepsi pengunjung juga sangat membantu pelawat mengenali pejuang pejuang negara.

4.1.4 Penggunaan Multimedia di dalam Pameran (Audio & Video)

Terdapat tayangan video ringkas yang menceritakan tentang peperangan yang berlaku di Bukit Kepong		
	Frekuensi	Peratusan%
Sangat tidak setuju	0	0.0
Setuju	0	0.0
Neutral	0	0.0
Setuju	56	36.4
Sangat Setuju	74	48.1
Total	154	100.0

Jadual 4.1.6 : Taburan data responden bentuk penceritaan dari segi penggunaan multimedia dalam Galeri Darurat Bukit Kepong

Sumber : Kajian Lapangan 2023

Merujuk pada jadual 4.1.6 diatas, majoriti masyarakat sangat setuju bahawa bentuk penceritaan dari segi video ringkas di dalam galeri dapat meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Hal ini disokong oleh data di atas yang menunjukkan seramai 74 atau 48.1% responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut, manakala seramai 56 responden (36.4%) bersetuju dengan kenyataan ini. Hal ini demikian kerana,

tayangan video yang ringkas dapat mengagumkan pelawat dan pelawat dapat membayangkan keadaan sebenar yang berlaku di balai polis Bukit Kepong. Tambahan pula, menurut Jusoh tayangan VCD juga digunakan dalam muzium atau galeri. Menurut beliau dalam tayangan akan menggunakan gambar, pergerakan dan suara dalam satu masa. Oleh itu pelawat dapat memahami tayangan dengan lebih jelas (A. B. S. Kechot, 2010).

Secara rumusnya, pelawat lebih peka dan prihatin terhadap tayangan yang disediakan oleh pihak pengurusan Galeri Darurat Bukit Kepong. Hal ini demikian kerana, kegunaan suara seperti peperangan menarik perhatian pelawat. Bukan itu sahaja, ini adalah salah satu bentuk penceritaan yang perlu disampaikan kepada pelawat tidak kira kategori umur dan sebagainya.



Rajah 4 : Tayangan Video

Sumber : Kajian Lapangan 2022

4.1.5 Replika dan Diorama

Terdapat replika-replika seperti pejabat pertanyaan, lopak dan sebagainya yang menunjukkan suasana yang berlaku di Bukit Kepong ketika dahulu

	Frekuensi	Peratusan %
Tidak setuju	1	0.6
Neutral	22	14.3
Setuju	54	35.1
Sangat setuju	77	50.0
Total	154	100.0

Jadual 4.1.7 : Taburan data responden berdasarkan bentuk penceritaan dalam Galeri Darurat Bukit Kepong dari segi replika

Sumber : Kajian Lapangan 2023

Jadual 4.1.7 diatas menunjukkan majoriti responden sangat setuju bahawa bentuk penceritaan dari segi adanya replica-repilka di dalam galeri dapat meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Hal ini disokong oleh data di atas yang menunjukan seramai 77 atau 50.0% responden sangat setuju dengan kenyataan ini. Pihak Galeri Darurat Bukit Kepong telah mempamerkan replika seperti pejabat pertayaan, tempat tidur pejuang, lokap dan sebagainya. Hal hal ini demikian kerana, ini juga adalah salah satu penyampaian pengetahuan tentang nasionalisme dalam kalangan pelawat. Teknik-teknik yang menarik dan interaktif adalah satu kekuatan sebuah muzium dengan pameran yang dipersembahkan (A. B. S. Kechot, 2010). Sehubungan dengan itu terdapat seramai 1 atau 0.6% responden sangat tidak setuju dengan kenyataan ini. Kemungkinan responden tersebut tidak mengenali atau mengetahui tentang nasionalisme.



Rajah 5 : Replika Orang Kampung sedang makan bersama sebelum kejadian peperangan.

Sumber : Kajian Lapangan 2022

4.2 Peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme.

Di dalam objektif kedua ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Analisis temubual telah diambil daripada tema yang ditetapkan berkaitan peranan galeri dalam membangkitkan semangat nasionalisme sehingga kini. Antara tema-tema yang telah ditetapkan oleh pengkaji seperti peranan galeri, kerjasama pihak yang berkepentingan. Terdapat hasil yang diperoleh pengkaji daripada temubual informan seperti berikut :

4.2.1 Peranan Galeri

Peranan galeri dapat dijelaskan sebagai satu proses dinamik kedudukan iaitu status. Apabila seseorang melaksanakan hak dan kewajibannya sesuai dengan kedudukannya, dia menjalankan suatu peranan (Hidayah & Yuszaidy, 2017). Menurut Phil, role atau peranan kedua-duanya saling kait-mengait, tetapi tidak akan berguna sekiranya tidak dipergunakan dengan sepatutnya (S.Susanto, 1977). Selain itu peranan galeri dapat menanam kesedaran

kepada golongan muda tentang pentingnya pendidikan dalam kehidupan. Bukan itu sahaja, dengan adanya peranan Galeri, kewujudan Galeri Sultan Azlan Shah dapat memperkenalkan dengan adanya peranan Galeri kepada rakyat (Hidayah & Yuszaidy, 2017).

Menurut Informan satu yang merupakan seorang sarjan di Galeri Darurat Bukit Kepong beliau menyatakan bahawa peranan galeri darurat sangat mengalakkan pelajar-pelajar untuk datang ke galeri ini dengan tujuan betul. Bagi memberikan pendidikan awal kepada pelajar-pelajar untuk meningkatkan kesedaran tentang nasionalisme.

“Galakkan pelajar-pelajar sekolah. Kami sediakan satu ilmu kan datang untuk kesedaran. Lawatan berkumpulan kami akan aturkan untuk memberikan taklimat untuk motivasi mereka. Kalau diri sendiri tidak sedar tak berguna juga. Kita dah sediakan nasi tapi dia tak suap, sedar tak ?”

(Informan1, Galeri Darurat Bukit Kepong, 27 September 2022,)

Muzium merupakan salah satu pusat pendidikan. Menurut Woodhead dan Geoffrey para sarjana menyebut pendidikan yang berlaku di sesebuah muzium itu sebagai pendidikan muzium (*Keyguide to Information Sources in Museum Studies*, 1994). Pendidikan muzium berlaku dalam dua bentuk, iaitu secara-formal dan tidak-formal. Secara-formal adalah melalui program yang diadakan secara khusus seperti ceramah dan penggunaan koleksi muzium untuk menjelaskan sesuatu. Secara tidak-formal adalah kegiatan pengunjungan biasa (A. B. S. Kechot, 2010).

Peranan galeri seterusnya adalah pihak galeri perlu memberi penerangan yang betul supaya pelawat dapat memahami dengan jelas dan boleh menerima dengan baik. Antaranya adalah pihak galeri perlu menceritakan sejarah yang telah berlaku di galeri Darurat Bukit Kepong. Perkara ini telah diberikan maklum oleh informan kedua yang mengatakan bahawa

“Peranan pihak Galeri untuk membangkitkan semangat Nasionalisme adalah dengan cara memberi penerangan,

menceritakan peristiwa sejarah yang telah berlaku dan sebab kejadian itu berlaku”

(Informan 2, Galeri Darurat Bukit Kepong, 27 September 2022)

Oleh itu secara rumusnya, setiap galeri memainkan peranan yang penting terhadap pelawat. Hal ini demikian kerana, pelawat perlu memahami situasi perkara yang berlaku di sesuatu tempat. Bukan itu sahaja, setiap institusi pendidikan perlulah memberikan pengetahuan terhadap orang yang ingin mengetahui sesuatu ilmu. Sebagai contoh pihak galeri perlu memberikan penerangan terhadap pelawat.

Secara umumnya, pengkaji sangat bersetuju dengan kenyataan kajian lepas dan pernyataan daripada informan tersebut. Hal ini kerana, hasil tinjauan dan pemerhatian daripada pengkaji yang telah dilakukan di kajian lapangan mendapati bahawa Galeri Darurat Bukit Kepong memainkan peranan yang penting terhadap pendidikan juga kepada generasi-generasi akan datang. Selain itu, daripada hasil tinjauan dan pemerhatian daripada pengkaji pihak galeri juga amat menggalakkan pelajar-pelajar untuk melawat ke galeri supaya mendapat ilmu tentang nasionalisme.

Penerangan berkaitan dengan barang-barang lama serta sejarah yang berlaku di Bukit Kepong merupakan antara peranan galeri dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Hal ini demikian kerana, ada pelawat yang datang tidak tahu atau tidak mengenali segala artifak atau pameran yang dipamerkan. Oleh itu, pihak galeri perlu memberi penerangan kepada pelawat agar mereka datang tidak mendapat sedikit ilmu. Menurut informan 1 beliau mengatakan “memberi penerangan berkaitan dengan barang-barang lama serta Sejarah yang berlaku di Bukit Kepong” adalah sangat penting bagi beliau

Hal ini demikian, kenyataan informan satu juga dapat disokong oleh informan kedua. Kedua-dua informan mempunyai pendapat yang sama.

“Dari segi pengetahuan tentang peristiwa serangan pihak Komunis kepada Balai Polis Bukit Kepong yang dipertahankan dengan

kekuatan anggota yang tidak ramai serta dibantu oleh isteri anggota mengangkat senjata api dan orang Kampung”

(Informan 2, Galeri Darurat Bukit Kepong, 27 September 2022,)

Secara rumusnya, pengkaji setuju dengan kenyataan informan satu dan informan dua. Hal ini demikian kerana, pelawat tidak akan mampu menghayati jika mereka tidak dapat penerangan yang lebih jelas daripada pihak berkenaan. Ini juga merupakan salah satu tindakan yang memberangsangkan kepada pelawat di Galeri Darurat Bukit Kepong.

Menurut Informan satu lagi, di Galeri Darurat Bukit Kepong menyatakan bahawa peranan galeri darurat memberikan kesan yang baik. Supaya semangat nasionalisme itu ada dalam diri tetapi sifat nasionalisme ini wujud pada diri sendiri. Pihak galeri hanya dapat membantu dari segi penerangan, memberikan cenderamata dan sebagainya.

“Kesedaran ini wujud pada diri sendiri. Kita sekadar membantu. Kalau datang tengok tidak membaca macam datang makan angin. Tapi mungkin kesan 10 yang baik kami bagi dapat pelawat bawa balik 2 pun da cukup paling tidak ambil gambar sebagai kenangan, cenderamata. Selebihnya bergantung kepada diri sendiri untuk kesedaran”

(Informan 1, Galeri Darurat Bukit Kepong, 27 September 2022,)

Pengkaji setuju dengan kenyataan yang diberikan oleh informan satu. Hal ini demikian kerana, sifat nasionalisme ini wujud pada diri sendiri. Sifat ini tidak boleh dipaksa-paksa kerana setiap manusia tidak minat akan sejarah. Walaubagaimanapun, sifat ini perlu ada setiap kalangan pelawat kerana kita sebagai rakyat negara ini perlu mempertahankan negara daripada dijajah oleh komunis. Menurut informan dua, beliau menyatakan bahawa “Perasaan menghayati itu hadir dari diri Pelawat itu sendiri. Susah untuk dijelaskan dengan kata-kata”.

Oleh itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa sifat nasionalisme ini perlu dihayati sendiri dan ia datang secara semula jadi bermula dengan diri sendiri. Selain itu, sifat ini perlu dipupuk secara berterusan dengan tujuan pentingnya negara di masa hadapan daripada serangan komunis. Pengkaji juga sokong dengan kenyataan informan kedua yang menyatakan susah untuk dijelaskan dengan kata-kata. Hal ini demikian kerana, diri seseorang itu tidak boleh dipaksa melainkan dirinya sendiri menerima sifat ini.

4.2.2 Kerjasama Pihak Yang Berkepentingan

Tugasan untuk pemeliharaan dan pemuliharaan sesuatu warisan perlu dibuat oleh pihak yang berkepentingan. Hal ini demikian kerana, kerjasama pihak yang berkepentingan adalah penting (Zurina, 2007). Pihak berkepentingan merupakan individu atau kumpulan yang mempunyai kepentingan di dalam tindakan dan keupayaan untuk mempengaruhi galeri (Nazrin et al., 2012). Setiap muzium atau institusi berpendidikan hendaklah mempunyai kerjasama dengan pihak yang berkepentingan dengan tujuan untuk memberikan pengetahuan dan ilmu kepada pelawat.

Menurut Informan satu yang merupakan seorang sarjan di Galeri Darurat Bukit Kepong kerjasama dengan pihak berkepentingan sangat memainkan peranan yang penting untuk mengembangkan lagi pengetahuan tentang wujudnya Galeri Darurat Bukit Kepong. Bukan itu sahaja, masyarakat luar daripada kawasan itu juga dapat mengenali galeri tersebut. Ini adalah salah satu peranan galeri dalam melestarikan peranan galeri untuk membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat.

“ Bila kita nak majukan galeri kita bila kita Bersatu dengan agensi pelancongan. Contoh galeri kami bekerjasama dengan agensi pelancongan Muar. Apa-apa kawasan pelancongan, termasuk Galeri Darurat Bukit Kepong ini juga terlibat. Sebagai contoh pelawat daripada luar negara

melawat di Muar agensi pelancongan akan adanya buat pakej”

(Informan 1, Galeri Darurat Bukit Kepong, 27 September 2022,)

Oleh itu, adanya kerjasama dengan pihak berkepentingan dapat membantu Galeri Darurat Bukit Kepong untuk meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Hal ini demikian kerana, jika tidak ada kerjasama dengan pihak berkepentingan kemungkinan Galeri Darurat Bukit Kepong tidak dikenali ramai, malah semangat nasionalisme kurang diambil berat oleh masyarakat di negara ini. Selain itu, Galeri Darurat ini juga dapat dijadikan pusat pelancongan. Menurut World Tourism Organization (WTO) peranan industri pelancongan adalah untuk mewujudkan peluang perniagaan, pekerjaan, pendapatan, tukaran mata wang asing dengan adanya perkhidmatan dalam pelancongan (Nazrin et al., 2012).

Secara umumnya, pengkaji sangat bersetuju dengan kenyataan kajian lepas dan pernyataan daripada informan satu. Hal ini kerana, hasil temubual daripada pengkaji yang telah dilakukan di kajian lapangan mendapati bahawa Galeri Darurat Bukit Kepong sentiasa bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk meningkatkan semangat nasionalisme. Bukan dari segi mengetahui Galeri Darurat Bukit Kepong malah masyarakat luar dapat memahami sejarah yang berlaku di Kawasan tersebut.

4.3 Langkah Pelestarian Semangat Nasionalisme

Sesebuah muzium sangat memetingkan pengurusan yang bagus dan sistematik (*Permuziuman | Jabatan Muzium Malaysia*, n.d.). Dalam melestarikan semangat nasionalisme, terdapat beberapa Langkah yang dilakukan oleh pihak Galeri Darurat Bukit Kepong yang disampaikan melalui temubual. Menurut informan satu terdapat beberapa langkah yang telah dilakukan oleh Galeri Darurat Bukit Kepong. Antaranya penampilan pihak pengurusan, penggunaan media massa, kerjasama dengan pelbagai pihak dan sebagainya.

“Kami kena rujuk mana sikap, penampilan kami yang boleh kami memberi penerangan. Kami bergabung dengan Tv3. Hubungan rapat perlu dilaksanakan supaya Galeri Darurat Bukit Kepong dapat diketahui oleh orang ramai. Bila kita nak majukan galeri kita bila kita Bersatu dengan agensi pelancongan. Contoh galeri kami bekerjasama dengan agensi pelancongan Muar. Apa-apa kawasan pelancongan, termasuk Galeri Darurat Bukit Kepong ini juga terlibat”

(Informan1, 27 September 2022, Kajian Lapangan 2022)

Berdasarkan kenyataan informan satu, pengkaji sangat bersetuju dengan beberapa langkah yang digunakan iaitu pendedahan, kerjasama antara pelbagai pihak dan media massa. Penggunaan media massa sangat penting terhadap membangkitkan semangat nasionalisme. Menurut Walle(1996) menyatakan bahawa media sosial menjadi tumpuan pengguna yang pelbagai, baik masa kini dan masa hadapan. Media sosial dapat meningkatkan industri pelancongan (AH, 1996). Menurutnya lagi, peluang yang sedia ada perlu dipertimbangkan untuk meningkatkan mutu kualiti.

4.3.1 Pelestarian Nasionalisme.

No	Item	Sangat tidak setuju	tidak setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	Pihak berkenaan perlulah menjalinkan kerjasama dengan sekolah-sekolah yang terdapat di Malaysia melalui program semangat atau cintakan nasionalisme.	0(0%)	0(0%)	16(10.4%)	43(27.9%)	95(61.7%)

2	Segala artifak yang ada di Galeri Darurat Bukit Kepong hendaklah dijaga dan dipuliharakan supaya dapat membuktikan bahawa artifak ini wujud pada hari kejadian darurat di Bukit Kepong	1(0.6%)	0(0%)	13(8.4%)	44(28.6%)	96(62.3%)
3	Banyakkan penglibatan pelawat dengan mengadakan aktiviti yang berkaitan dengan semangat nasionalisme seperti sajak, membuat lukisan dan sebagainya	0(0%)	0(0%)	16(10.4%)	45(29.2%)	93(60.4)
4	Setiap koleksi yang ada di Galeri Darurat Bukit Kepong mestilah diterjemahkan dengan jelas supaya pelawat lebih tertarik dan memahami	1(0.6%)	0(0%)	12(7.8%)	42(27.3%)	99(64.3%)
5	Galeri Darurat Bukit Kepong hendaklah libat bersama dalam program Nasionalisme seperti program Hari Kebangsaan dengan mengadakan pameran sementara untuk memperkenalkan kepada	0(0%)	0(0%)	15(9.7%)	44(28.6%)	93(60.4%)

orang awam, terutama yang tidak pernah mengetahui kewujudan Galeri Darurat Bukit Kepong					
---	--	--	--	--	--

Jadual 4.3.1: Taburan data responden berdasarkan mengenalpasti langkah-langkah yang digunakan untuk melestarikan semangat nasionalisme

Sumber : Kajian Lapangan 2023

Berdasarkan jadual 4.3.1 diatas, ia merupakan taburan data responden terhadap mengenalpasti langkah-langkah yang digunakan untuk melestarikan semangat nasionalisme di Galeri Darurat Bukit Kepong. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai kefahaman tentang melestarikan sesuatu tempat dengan tujuan yang betul. Seramai 154 responden telah menjawab bahagian ini untuk membantu pengkaji menghasilkan kajian Peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat.

Seterusnya, merujuk kepada hasil kajian berdasarkan jadual 8 di atas, analisis kajian yang dibuat berdasarkan langkah-langkah yang digunakan untuk melestarikan semangat nasionalisme dalam Galeri Darurat Bukit Kepong. Hal ini dapat dilihat di jadual 8 dalam item keempat iaitu berdasarkan setiap koleksi yang ada di Galeri Darurat Bukit Kepong mestilah diterjemahkan dengan jelas supaya pelawat lebih tertarik dan memahami. Dimana ia mencatatkan Langkah-langkah yang tinggi dengan seramai 99 responden (64.3%) menyatakan "sangat setuju". Hal ini dapat disokong oleh informan 1 tentang Langkah-langkah tersebut.

Data ini juga telah disokong oleh penyelia Galeri Darurat Bukit Kepong, dimana beliau juga menyatakan bahawa terdapat langkah-langkah.

"Memang perlu kalau tidak bagaimana pelawat hendak tahu. Contoh senjata api, kekuatan peluru berapa, pistol

2.6. Kalau tiada maklumat macam mana pelawat nak dapatkan maklumat. Pada awalnya pelawat telah mendapat ilmu awal selebihnya tanya penjaga muzium”

(Informan 1, 27 September 2022, Kajian Lapangan 2022)

Berdasarkan kenyataan informan satu, pengkaji sangat bersetuju dengan langkah-langkah yang digunakan iaitu setiap koleksi yang ada di Galeri Darurat Bukit Kepong mestilah diterjemahkan dengan jelas supaya pelawat lebih tertarik dan memahami. Ini merupakan salah satu kaedah melalui *lectures and talks* yang bermaksud pengajar dan menyampaikan sesuatu ilmu yang berdasarkan pembelajaran. Menurut Kechot(2010), ini merupakan kaedah dua hal yang berbentuk bersemuka antara pegawai muzium dengan pelawat (A. B. S. Kechot, 2010). Hal ini demikian kerana kaedah ini sangat membantu dan berkesan untuk menambahkan ilmu pelawat.

Secara rumusnya, setiap koleksi yang ada di Galeri Darurat Bukit Kepong hendaklah diterjemahkan dengan jelas supaya pelawat lebih tertarik dan memahami apa itu nasionalisme. Bukan itu sahaja, dengan langkah ini pihak galeri dapat meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Malah pelawat juga akan menghargai setiap kebaikan pejuang-pejuang dalam mempertahankan negara.

4.3.2 Kerjasama antara Pihak yang berkepentingan

Pihak berkenaan perlulah menjalinkan kerjasama dengan sekolah-sekolah yang terdapat di Malaysia melalui program semangat atau cintakan nasionalisme.		
	Frekuensi	Peratusan %
Sangat tidak setuju	0	00.0

Tidak setuju	0	00.0
Neutral	16	10.4
Setuju	43	27.9
Sangat setuju	95	61.7
Total	154	100.0

Jadual 4.3.2 : Taburan data responden pihak berkenaan perlulah menjalinkan kerjasama dengan sekolah-sekolah yang terdapat di Malaysia melalui program semangat atau cintakan nasionalisme.

Sumber : Kajian Lapangan 2023

Jadual 4.3.2 diatas menunjukkan majoriti responden sangat setuju bahawa pihak berkenaan iaitu pihak galeri perlu menjalinkan kerjasama dengan pihak institusi seperti sekolah, universiti dan sebagainya melalui program semangat atau cintakan nasionalisme. Hal ini demikian kerana, pihak galeri perlu menjalinkan kerjasama dengan ikuti pelbagai program. Bukan itu sahaja, ia juga boleh membantu pihak galeri untuk mengembangkan tentang nasionalisme kepada orang lain seperti kawan, keluarga dan pelbagai kenalan beliau. Seterusnya, seramai 43 atau 27.9% responden menyatakan setuju. Manakala, bagi yang sederhana setuju adalah seramai 16 atau 10.4% responden. Merujuk jadual 4.9 seramai 48 responden menjawab kenyataan. Pihak Galeri Darurat Bukit Kepong juga mengalu-alukan kedatangan pihak institusi untuk datang ke galeri supaya pelajar-pelajar memahami apa itu nasionalisme.

Rumusannya, program semangat atau cintakan negara perlu dilakukan oleh pihak Galeri Darurat Bukit Kepong. Hal ini demikian kerana, apabila pelajar menyertai program seperti ini mereka lebih memahami apa itu cintakan negara dan dalam masa yang sama semangat nasionalisme pada diri mereka dapat dibangkitkan.

4.3.3 Penjagaan dan Pemuliharaan Artifak

Segala artifak yang ada di Galeri Darurat Bukit Kepong hendaklah dijaga dan dipuliharakan supaya dapat membuktikan bahawa artifak ini wujud pada hari kejadian darurat di Bukit Kepong		
	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	1	0.6
Tidak setuju	0	0.0
Neutral	13	8.4
Setuju	44	28.6
Sangat setuju	96	62.3
Total	154	100.0

Jadual 4.3.3: Taburan data responden tentang Segala artifak yang ada di Galeri Darurat Bukit Kepong hendaklah dijaga dan dipuliharakan supaya dapat membuktikan bahawa artifak ini wujud pada hari kejadian darurat di Bukit Kepong

Sumber : Kajian Lapangan 2023

Jadual 4.3.3 diatas menunjukkan majoriti responden sangat setuju bahawa segala artifak yang ada di Galeri Darurat Bukit Kepong hendaklah dijaga dan dipuliharakan supaya dapat membuktikan bahawa artifak ini wujud pada hari kejadian darurat di Bukit Kepong. Hal ini disokong oleh data di atas yang menunjukkan seramai 96 atau 62.3% responden sangat setuju dengan kenyataan ini. Hal ini demikian kerana muzium atau galeri memainkan peranan dalam mengumpul, menjaga dan merawat sejarah sesuatu bangsa (Studies & Paper, 2022). Bukan itu sahaja, sebagai orang yang bertanggungjawab mestilah menjaga dan menghargai betapa pentingnya artifak tersebut dalam kehidupan manusia. Seterusnya, seramai 44 atau 28.6% responden memilih setuju dengan kenyataan ini, manakala kenyataan sederhana setuju seramai 13 responden (8.4%).

Rumusnya, segala artifak hendaklah dijaga dan dipuliharakan supaya dapat membuktikan bahawa artifak ini wujud pada hari kejadian darurat di Bukit Kepong. Hal ini demikian kerana ia juga boleh dijadikan sebagai ilmu dalam pendidikan serta mendidik masyarakat tentang pentingnya sejarah dan nasionalisme.

4.3.4 Penglibatan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam aktiviti dan program berkaitan dengan Semangat Nasionalisme

Galeri Darurat Bukit Kepong hendaklah libat bersama dalam program Nasionalisme seperti program Hari Kebangsaan dengan mengadakan pameran sementara untuk memperkenalkan kepada orang awam, terutama yang tidak pernah mengetahui kewujudan Galeri Darurat Bukit Kepong		
	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	0	0.0
Tidak setuju	0	0.0
Neutral	15	9.7
Setuju	44	28.6
Sangat setuju	93	60.4
Total	152	98.7

Jadual 4.3.4 : Taburan data responden tentang penglibatan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam pelbagai aktiviti

Sumber : Kajian Lapangan 2023

Jadual 4.3.4 diatas menunjukkan majoriti responden sangat setuju bahawa Galeri Darurat Bukit Kepong hendaklah libat bersama dalam program Nasionalisme seperti program Hari Kebangsaan dengan mengadakan pameran sementara untuk memperkenalkan kepada orang awam, terutama yang tidak pernah mengetahui kewujudan Galeri Darurat Bukit Kepong dengan data sebanyak 93 atau 60.4% responden. Seterusnya, seramai 44 atau 28.6% responden setuju, manakala sederhana setuju adalah seramai 15 atau 9.7% responden.

Secara rumusnya, pameran sementara ini dapat mengembangkan lagi Galeri Darurat Bukit Kepong kepada orang ramai. Hal ini demikian kerana hanya orang yang menetap di Johor mengetahui kewujudan galeri ini. Bukan itu sahaja, Galeri ini juga terletak di Bukit Kepong, Pagoh Muar Johor. Kenyataan ini disokong oleh jadual di bawah iaitu demografi responden berdasarkan negeri.

NEGERI	Frekuensi	Peratusan %
Johor	88	57.1
Kedah	8	5.2
Kelantan	11	7.1
Melaka	4	2.6
Negeri Sembilan	3	1.9
Pahang	3	1.9
Perak	2	1.3
Pulau Pinang	4	2.6
Sabah	2	1.3
Sarawak	2	1.3
Selangor	12	7.8
Terengganu	4	2.6
Wilayah Persekutuan	11	7.1
Total	154	100.0

Jadual 4.3.5 : Taburan responden berdasarkan Negeri

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Seramai 88 responden (57.1%) berasal daripada Johor. Seterusnya seramai 12 atau 7.8% responden berasal dari Selangor, manakala Wilayah Persekutuan dan Kelantan data responden adalah sama iaitu 11 responden (7.1%). Kemudian, bagi negeri Kedah pula seramai 8 responden (5.2%) dan responden daripada Melaka, Pulau Pinang dan Terengganu adalah seramai 4 responden. Bagi Negeri Sembilan dan Pahang terdapat 3 responden manakala selebihnya mewakili negeri Perak, Sabah dan Sarawak dengan mencatat data seramai 2 responden (1.3%).

Secara rumusnya, kewujudan Galeri Darurat Bukit Kepong perlu dikembangkan dan diperkenalkan dengan pelbagai cara seperti membuat pameran sementara di sesuatu kawasan. Hal ini demikian kerana, Galeri Darurat Bukit Kepong dapat diberikan perhatian oleh masyarakat serta pihak Galeri mampu membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Kenyataan ini disokong oleh penyelia Galeri Darurat Bukit Kepong bahawa beliau mengatakan pihak galeri pernah membuat pameran sementara (booth) di dataran Tanjung Emas Muar. Beliau mengatakan dengan cara ini juga, kehadiran pelawat di Galeri Darurat Bukit Kepong telah berlaku peningkatan.

“Kami pula dijemput dan kami akan buat pameran berkaitan bukit kepong.

Secara tidak langsung dapat promosikan tempat kami”

(Informan1, 27 September 2022, Kajian Lapangan 2022)

Oleh itu wajarnya langkah-langkah ini perlu diteruskan oleh Galeri Darurat Bukit Kepong supaya dapat membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Bukan itu sahaja, masyarakat juga pengajaran, ilmu serta meningkatkan semangat nasionalisme dalam diri sendiri walaupun sifat itu hadir dengan diri sendiri. Secara tidak langsung, pengkaji bersetuju dengan kenyataan dan data yang diperoleh daripada informan serta responden.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan mengenai cadangan dan kesimpulan yang dilaksanakan mengikut keseluruhan penyelidikan berkenaan dengan kajian tentang peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Kajian yang telah dijalankan banyak memberikan peluang dan ruang kepada pengkaji dalam mempelajari akan kaedah-kaedah yang perlu digunakan untuk memperolehi maklumat tepat dan sahih. Kajian penyelidikan ini telah sememangnya telah menjawab keseluruhan serta saling berhubungkait antara permasalahan kajian, teori dan juga cadangan yang perlu diketengahkan dalam kajian ini. Hasil daripada dapatan kajian ini juga memperoleh cadangan untuk pihak yang bertanggungjawab untuk menabmbaikkannya daripada pelbagai segi yang berkaitan dengan membangkitkan semangat nasionalisme di Galeri Darurat Bukit Kepong. Oleh itu, pihak pengurusan Galeri Darurat Bukit Kepong perlu mengambil pendekatan bagi meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat.

5.1 Kesimpulan

Kesimpulan bagi bab satu dalam kajian ini adalah membincangkan berkenaan dengan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Pengkaji telah menetapkan latar belakang kajian di Galeri Darurat Bukit Kepong, Muar, Johor. Selain itu, bagi permasalahan kajian telah dikenalpasti bahawa semangat nasionalisme kurang dihayati oleh masyarakat apabila wujudnya sesebuah galeri yang menceritakan dan mempamerkan tentang tragedi yang berlaku di negara ini. Bagi kepentingan kajian pula adalah bertujuan untuk mengetahui bagaimana semangat nasionalisme dapat dipupuk dalam generasi kini dan pengunjung yang kunjung ke Galeri Darurat Bukit Kepong.

Kesimpulan bagi bab kedua pula adalah mengenai sorotan kajian atau kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pengurusan galeri dalam membangkitkan semangat nasionalisme. Pengkaji telah merujuk beberapa kajian lepas yang pernah dijalankan sebelum ini yang ada menerangkan berkenaan dengan definisi galeri atau muzium, definisi Galeri Darurat Bukit Kepong, definisi nasionalisme dan definisi pelawat atau pengunjung. Segala pendapat yang terdapat dalam kajian terdahulu berkaitan dengan tajuk peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat telah diguna pakai sebagai bahan rujukan pengkaji. Kajian yang dijalankan ini amat mementingkan sumber dari kajian lepas kerana ia merupakan antara sumber yang sahih serta dapat digunakan dalam kajian ini untuk dijadikan sebagai panduan dalam menghasilkan satu kajian yang terbaik.

Seterusnya, kesimpulan bagi bab tiga, pengkaji telah menerangkan berkenaan dengan metodologi kajian yang merupakan kaedah untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Kaedah ini berperanan dalam menjawab setiap persoalan dan objektif kajian pengkaji. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi kesahihan data. Dalam kaedah kualitatif, pengkaji menjalankan pemerhatian dan temubual di mana pengkaji menebual dua orang informan di Galeri Darurat Bukit Kepong. Pada masa yang sama juga, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif yang merangkumi set soalan soal selidik yang diedarkan secara atas talian dengan menggunakan "Google Form" secara terbuka di media sosial. Oleh itu, metodologi kajian dapat membantu pengkaji dalam mengumpul dan mendapatkan maklumat tentang kajian yang dijalankan.

Kesimpulan bagi bab empat pula, pengkaji telah membincangkan dapatan kajian yang didapati melalui temu bual bersama kedua-dua informan berdasarkan soalan-soalan yang dirangka oleh pengkaji. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenalpasti peranan yang dilakukan oleh pihak berkepentingan terhadap Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Bagi kaedah kuantitatif pula, pengkaji telah merangka soalan soal selidik mengenai pengetahuan responden

terhadap peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme. Segala data yang diperolehi oleh pengkaji ini adalah saling berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan oleh informan dan juga responden. Setiap hasil dapatan kajian ini telah dilakukan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

Kesimpulan keseluruhannya, berdasarkan objektif satu, dua dan tiga dapat disimpulkan bahawa peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat yang dilakukan oleh pihak pengurusan dan pihak berkepentingan dapat membantu pelawat membangkitkan semangat nasionalisme serta Galeri Darurat Bukit Kepong juga adalah salah satu galeri yang menceritakan serta mempamerkan tragedi Bukit Kepong di negeri Johor ini.

5.2 Cadangan

Dalam memastikan peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat, pihak pengurusan perlu melakukan satu usaha atau inisiatif yang mampu menarik minat pengunjung ketika melawat Galeri Darurat Bukit Kepong. Terdapat beberapa cadangan yang perlu diambil berat oleh pihak pengurusan. Antaranya ialah dari segi bentuk penceritaan, pihak galeri perlu membuat satu *games* di setiap sudut penerangan pameran dengan kaedah *digital art* iaitu media teknologi yang disentuh oleh pelawat bagi menjawab setiap persoalan yang berkaitan dengan nasionalisme di Galeri Darurat Bukit Kepong. Hal ini demikian kerana, terdapat beberapa galeri atau muzium di Malaysia juga telah menggunakan kaedah ini untuk menarik minat pengunjung serta dapat meningkatkan semangat nasionalisme pengunjung.

Melihat daripada kajian yang dijalankan mengenai peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme, pihak pengurusan perlu melakukan aktiviti pameran bergerak dengan tujuan untuk pelawat mengetahui tentang kewujudan Galeri Darurat Bukit Kepong serta dapat lagi membangkitkan semangat nasionalisme kepada pelawat. Hal ini demikian kerana, pelawat mesti mengetahui tentang kewujudan Galeri ini

supaya semangat nasionalisme dibangkitkan secara tidak langsung pelawat dapat menghayati dan mengikuti segala aktiviti yang akan dijalankan oleh pihak galeri.

Akhir sekali, pengkaji juga mencadangkan kepada pihak galeri dapat meneruskan langkah-langkah bagi melestarikan semangat nasionalisme dari segi setiap koleksi yang ada di Galeri Darurat Bukit Kepong mestilah diterjemahkan dengan jelas supaya pelawat lebih tertarik dan memahami. Terjemahan setiap koleksi sememangnya memainkan peranan yang sangat penting supaya pelawat bertambah pengetahuan tentang pameran yang dipamerkan dalam galeri.



Rujukan

- Abd. Wahid Jais., & Abd. Aziz Abdul Rashid. (2007). Artifak Peradaban Melayu dalam Koleksi Muzium Seni Asia Universiti Malaya: Usaha Mewujudkan Inventori Budaya. *Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III*, 57–63.
- AH, W. (1996). TOURISM AND THE INTERNET. *Journal of Travel Research*, 72–77.
- Ahmad Ali Karim. (2018, February 23). *Tragedi Hitam Bukit Kepong – Sejarah Hitam Yang Mesti Diingat – Ahmad Ali Karim’s Weblog*.
<https://ahmadalikarim.wordpress.com/2018/02/23/tragedi-hitam-bukit-kepong-sejarah-hitam-yang-mesti-diingat/>
- Ahmad Farid Abd Jalal, A. A. A. P., & Rahim, R. A. A. (2020). Konsep Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu. *"Konsep Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu"*, 3(1), 122–147.
- Bash, E. (2015). Bab IV Metodologi Kajian. *PhD Proposal*, 1, 138–147.
- cloudhost. (2020, November 21). *Apa itu Analisis Data : Pengertian, Jenis-jenis, Fungsi, dan Contohnya - IDCloudHost*. <https://idcloudhost.com/apa-itu-analisis-data-pengertian-jenis-jenis-fungsi-dan-contohnya/>
- Cordier. (2019). *KESEDARAN MUZIUM BARU DI MALAYSIA*. 2(1), 1–19.
- Creswell. (n.d.). Educational Research. In *Handbook of Educational Research* (Vol. 59). Sage Publications.
- Dewan bahasa dan pustaka. (2022, July 4). *Carian Umum*.
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=nasionalisme>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2022, July 3). *Carian Umum*.
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=muzium>
- Faugier. (1997). *Sampling Hard to Reach Populations*.

- Giner, S., Smith, A. D., Galt, A. H., & Smith, L. J. (1977). The Concept of Social Change: A Critique of the Functionalist Theory of Social Change. *The British Journal of Sociology*, 28(3), 405. <https://doi.org/10.2307/590006>
- Hamil, Mohd Faidz Mohd Zain, J., & Razak, Mohd Rizal Mohd Yaakob, M. R. A. (2011). Pengaruh nasionalisme melayu mewarnai budaya politik melayu dalam umno. *Jurnal Melayu*, 2011(7), 193–216.
- Hamzah, A. (2004). Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya: Qualitative Methods in Sociocultural Research. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 1–10.
- Hidayah, A., & Yuszaidy, Y. (2017). Peranan Galeri Sultan Azlan Shah Sebagai Pendidikan Tidak Formal Galeri Sultan Azlan Shah Role As Informal Education. *JURNAL WACANA SARJANA Jilid*, 1(1), 1–13.
<https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/download/42/21/>
- ICoM. (2007, August 24). *Museum Definition - International Council of Museums*. ICoM Statutes. <https://icom.museum/en/resources/standards-guidelines/museum-definition/>
- Ismail, I. (1998). *Keperluan Latihan Bagi Staf Di Jabatan Muzium Dan Antikuiti Dan Muzium-Muzium Negeri Terpilih Di Malaysia*.
- Jabatan Muzium Malaysia. (2022, March 24). *Koleksi Jabatan Muzium Malaysia | Jabatan Muzium Malaysia*. <http://www.jmm.gov.my/ms/permuziuman>
- Jaffrelot, C. (2005). For a Theory of Nationalism. *Revisiting Nationalism*, June, 10–61.
https://doi.org/10.1007/978-1-137-10326-0_2
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, January 2012*.
http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf
- Kechot, A. B. S. (2010). Proses Pendidikan Muzium: Satu Kajian Awal. *Jurnal Melayu*,

5(December 2009), 285–293.

Kechot, A. S. (2015). Bentuk Komunikasi dalam Menangani Peranan Kepimpinan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Perfileman (Form of Communication in Addressing The Leadership Role of Non-Governmental Organisations (NGOS) Film). *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 423–439.
<https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-3102-24>

Keyguide to information sources in museum studies (Mansell). (1994).

Kusumawardani, A., & Psikologi, B. (1951). CONVENTION générale entre la France et le Grand-Duché de Luxembourg sur la Sécurité Sociale. *Archives de Médecine Sociale*, 7(1), 38–48.

Law, F. (2017). e-ISSN: 2289-6589. 6(1), 86–98.

Mahmud, R. H. (2003). *The Value of Bukit Kepong as an Educational Film : A Research*. 2(2), 46–50.

Marican, S. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial. Practice Hall Person Malaysia*.

Mempengaruhi, F. Y., & Pengunjung, K. (2013). *Faktor Luaran Faktor Dalaman*. 1–17.

Naim, N. 2019. (n.d.). *Penentuan Agenda Nasionalisme*.

Nazrin, A., Anuar, A., Ahmad, H., Jusoh, H., Hussain, M. Y., Sosial, S., Kemanusiaan, D., Sosial, S., Kemanusiaan, D., Sosial, S., Kemanusiaan, D., Pentadbiran, S., & Pengajian, D. (2012). *Peranan Pihak Berkepentingan Terhadap Pembentukan Destinasi Mesra Pelancong*. November, 351–358.

Nordin, N., & Hassan, M. (2019). Kerangka Kaedah Kajian Penyelidikan : Faktor-faktor yang Mempengaruhi Komitmen Prestasi Kerja Abstrak Research Method Framework : Factors Influencing Work Performance Commitment Abstract Pengenalan Sorotan Kajian Lepas. *Social Sciences and Humanities*, 4(7), 111–121.

Lampiran

Latar Belakang Informan

Informan 1

Nama	En Rasul
Peranan	Pegawai Galeri Darurat Bukit Kepong
Tarikh / Hari Temubual	27 September 2022
Masa Temubual	10 Pagi
Lokasi	Galeri Darurat Bukit Kepong

Informan 2

Nama	En Naz
Peranan	Pegawai Galeri Darurat Bukit Kepong
Tarikh / Hari Temubual	3 Januari 2023
Masa Temubual	1:15 petang
Lokasi	Galeri Darurat Bukit Kepong

TRANSKRIP TEMUBUAL

Pengkaji / informan	Perbualan
Pengkaji	Kajian yang saya laksanakan adalah Peranan Galeri Darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat.
Informan 1	<p>Bagaimana nak untuk jadi kesedaran kepada masyarakat yang datang. Macam mana mereka selamatkan bukit kepong daripada komunis yang diketuai oleh Sarjan Jamil Mohd Shahdan anggota dia. Semangat cintalan tanah air apabila tumbangya komunis menjajah kerana kalah terok di labis. Kami mengharapkan pelajar-pelajar sekolah bermotivasi untuk kesedaran dan untuk diri sendiri. Itu adalah tujuan disini.</p> <p>Banyak tempat orang biasa pergi tengok begitu saja. Tapi tempat ini benar-benar berlaku. Berhampiran galeri ada makam pahlawan ada 7 pusara yang benar-benar wujud serangan komunis terhadap balai polis bukit kepong dan wujudnya semangat patriotic anggota dan masyarakat bukit kepong daripada serangan komunis.</p>
Pengkaji	Adakah Penyelia daripada PDRM ?
Informan 1	<p>Untuk tempat ini asalnya polis. Jadi penyelia adalah polis. Kami ada muzium PDRM di Kuala Lumpur, Galeri Darurat Bukit Kepong, bangunan ini tahun 51 menggantikan tempat asal sektor binaan yang macam mana dapat mengenali contoh ini pintu belakang dan sebagainya. Ini punca-punca untuk menyedarkan masyarakat sekarang bahawa masyarakat dulu susah.</p>
Pengkaji	Galeri ini biasa bawag muzium negara. Adakah diberi benaran untuk mendirikan galeri ini. Apa organisasi terhadap galeri Darurat Bukit Kepong ? Adakah daripada PDRM sendiri ?
Informan 1	<p>Kita ada tentera, jururawat masubg-masing ada muzium sendiri jadi masing-masing ada galeri. Bila kita nak majukan galeri kita bila kita Bersatu dengan agensi pelancongan. Contoh galeri kami bekerjasama dengan agensi pelancongan Muar. Apa-apa kawasan pelancongan,</p>



	<p>termasuk Galeri Darurat Bukit Kepong ini juga terlibat. Sebagai contoh pelawat daripada luar negara melawat di Muar agensi pelancongan akan adanya buat pakej. Kami juga benarkan ambil gambar biasa muzium lain tidak dibenarkan mengambil gambar. Tujuan benarkan ini mereka dapat mempromosikan tempat ini.</p>
Pengkaji	<p>Kalau saya tengok tadi banyak sejarah daripada Kedah, Gua Musang semua tu, ikut zaman kronologi ? ikut masa ?</p>
Informan 1	<p>Galeri kami ini tidak boleh pameran berkaitan bukit kepong sahaja, pasal kalua pameran bukit kepong kami tak banyak barang artifak. Jadi galeri ini atau muzium kena letak pelbagai. Jadi untuk mencatatkan lagi dan banyakan sejarah komunis kami meletakkan pelbagai barang-barang artifak berkaitan dengan jepun. Naik jumpa bom (bom tidak meletup), pedang, samurai apa semua yeyapi itu daripada Jepun. Kami jumpa di padang pagoh. Kami ada selitkan artifak komunis, british zaman komawel, yang penting kami utamakan pelajar-pelajar sekolah untuk motivasi dan juga mendapatkan pengajaran. Pasal kami ada mempamerkan darurat. Kekadang mereka tidak tahu darurat bila. Darurat 1948 sehingga 1950. Secara tidak langsung mereka dapat baca. Ha itu untuk mereka yang mana nak belajar kalua pelajar sekolah saya suruh mereka bawa buku catatan dan catat sennag kalua ada tugasan tentang sejarah.</p>
Pengkaji	<p>Bagaimana pihak pengurusan dapat maklumat ? daripada temu bual, artikal atau macam mana ?</p>
Informan 1	<p>Biasanya nak mengadakan galeri, muzium dia perlu berilmu dan kajian. Tidak sewenang-wenangnya nak buat jika tidak ada fakta.</p>
Pengkaji	<p>Siapakah yang membuat kajian ?</p>
Informan 1	<p>Perancis, portugis bila mereka tahu ini kawasan bersejarah mereka akan jaga. Begitu juga Balai Polis Pagoh kenapa tidak runtuhkan sedangkan dah lama sebab warisan. Ini adalah tempat serangat yang hebat daripada komunis. Dalam balai polis bukit kepong pada zaman dahulu. Bangunan ini pulak, bangunan ini dibina pada 1951 menggantikan balai asal tempat asal. Bangunan ini dulu abis terbkaar</p>


	dan dibina pula bangunan ini tahun 51. Jadi sejarah tahun 1951. Jadi takkan nak ribih ? kita mesti nak kekalkan.
Pengkaji	Orang bukit kepong yang membina bangunan ini ? ataupun orang luar ?
Informan 1	Ya, orang bukit kepong yang membina, mungkin cara binaan taka da menggunakan mesin yang berat-berat apasal pangkutan dekat sini hanya di sungai. Sektor binaannya sangat kukuh. Kalau ini (dinding penghadang) di serang komunis bukan senang nak dipecahkan. Boat ini yang dibakar oleh komunis (PC 2)
Pengkaji	Peranan galeri bukit kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme ?
Informan 1	Galakkan pelajar-pelajar sekolah. Kami sediakan satu ilmu kan datang untuk kesedaran. Lawatan berkumpulan kami akan aturkan untuk memberikan taklimat untuk motivasi mereka. Kalau diri sendiri tidak sedar tak berguna juga. Kita dah sediakan nasi tapi dia tak suap, sedar tak ?
Pengkaji	Bagaimana Galeri ini dapat membantu pelawat dalam meningkatkan semangat nasionalisme ?
Informan 1	Kami dapat memberi penerangan berkaitan dengan barang-barang lama serta Sejarah yang berlaku di bukit kepong.
Pengkaji	Daripada sejarah koleksi yang ada, apa yang dapat dilakukan oleh pihak pengurusan untuk menarik perhatian pelawat dalam isu membangkitkan semangat nasionalisme. Kadang-kadang ada papan sebagai pelawat membaca dan menghayati, tapi tidak suka baca-baca?
Informan 1	Kesedaran ini wujud pada diri sendiri. Kita sekadar membantu. KAlau datang tengok tidak membaca macam datang makan angin. Tapi mungkin kesan 10 yang baik kami bagi dapat pelawat bawa balik 2 pun da cukup paling tidak ambil gambar sebagai kenangan, cenderamata. Selebihnya bergantung kepada diri sendiri untuk kesedaran. Ikut pangkal hati sekurang-kurangnya terima kasih kepada kerajaan wujudkan galeri ini.

Pengkaji	Langkah-langkah yang digunakan oleh galeri Darurat Bukit Kepong dalam melestarikan semangat nasionalisme ?
Informan 1	Kami kena rujuk mana sikap, penampilan kami yang boleh kami penerangan. Tapi disini kami banyak orang baru yang tidak tahu tentang sejarah. Saya orang paling lama disini, minat dia kalua tiada minat susah.
Pengkaji	Penggunaan media massa macam media sosial sangat penting, dapat tak jadikan penggunaan yang penting dalam galeri darurat bukit kepong untuk membuat satu promot?
Informan 1	Ada laman facebook, secara tak langsung orang kenal, tahu. Kami bergabung dengan tv3. Hubungan rapat perlu dilaksanakan supaya galeri darurat bukit kepong dapat diketahui oleh orang ramai.
Pengkaji	Setiap label artifak dapat memberikan sesuatu kepada pelawat. Adakah wajar untuk dalam membangkitkan semangat nasionalisme ?
Informan 1	Memang perlu kalua tidak bagaimana pelawat hendak tahu. Contoh senjata api, kekuatan peluru berapa, pistol 2.6. Kalau tiada maklumat macam mana pelawat nak dapatkan maklumat. Pada awalnya pelawat telah mendapat ilmu awal selebihnya tanya penjaga muzium.
Pengkaji	Tadikan ada aktiviti yang encik ceritakan, boleh saya tahu itu aktiviti luar atau dalam ? ada tak antiviti luar dan dalam ?
Informan 1	Ada. Ada bahagian keselamatan, bomba, polis. Kami pula dijemput dan kami akan buat pameran berkaitan bukit kepong. Secara tidak langsung dapat promosikan tempat kami. Aktiviti dalam biasanya kami buat tahlil dan kami jemput waris-waris pejuang. Aktiviti ini dilakukan tiap-tiap tahun. Kadang-kadang bergantung pada pihak lawatan membuat permohonan. Kena tengok juga. Mini studio adalah untuk sesi soal jawab. Aktiviti studio adalah untuk sesi soal jawab. Aktiviti tayangan filem bukit kepong bergantung kepada pelawat. Nak buat sesuatu aktiviti kat dalam galeri darurat kena tengok kesesuaian. Tempat ini tempat bersejarah jadi untuk terkinja-kinja tidak wajar dilakukan.

Pengkaji	Adakah pihak galeri darurat bukit kepong membuat apa-apa program untuk melestarikan nasionalisme ?
Informan 1	Kerap buat mini ekspo. Sambil-sambil boleh melawat galeri darurat bukit kepong.
Pengkaji	Bagi encik ada tak emotional setiap pelawat sebelum dan selepas ?
Informan 1	Ada datang sekadar tengok, tugas. Memang ada datang yang betul betul menghayati, menangis. Ada juga yang datang tapi da kesedaran tapi tidak menjiwai. Kesimpulannya, kesedaran atau semangat nasionalisme banyak terhadap diri sendiri. Jika mereka minat dan menjiwai semangat nasionalisme turut ada dalam diri sendiri.

PERBUALAN ATAS TALIAN





UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BORANG SOAL SELIDIK

1. UMUR *

Mark only one oval.

- 13 - 17 Tahun
- 18 - 22 Tahun
- 23 - 27 Tahun
- 28 - 32 Tahun
- 33 - 37 Tahun
- 38 - 42 Tahun
- 43 - 47 Tahun
- 48 Tahun dan keatas

2. JANTINA *

Mark only one oval.

- Lelaki
- Perempuan

3. BANGSA *

Mark only one oval.

- Melayu
- Cina
- India
- Dan Lain-Lain

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

4. STATUS *

Mark only one oval.

- Bujang
- Berkahwin
- Janda
- Duda
- Dan Lain-Lain

5. NEGERI *

Mark only one oval.

- Perlis
- Kedah
- Pulau Pinang
- Pahang
- Perak
- Johor
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Melaka
- Terengganu
- Kelantan
- Sabah
- Sarawak
- Wilayah Persekutuan

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

6. TAHAP PENDIDIKAN *

Mark only one oval.

- SPM / STPM
- DIPLOMA
- IJAZAH
- MASTER
- PHD
- Tidak Berpendidikan

7. PEKERJAAN *

Mark only one oval.

- Tidak Bekerja
- Kerja Sendiri
- Kakitangan Awam
- Kakitangan Swasta
- Pelajar

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAHAGIAN B : BENTUK PENCERITAAN DALAM GALERI DARURAT BUKIT KEPONG

BAHAGIAN C : LANGKAH-LANGKAH YANG DIGUNAKAN DALAM MELESTARIKAN SEMANGAT NASIONALISME

Perkara	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
Skala	1	2	3	4	5

	PERNYATAAN	SKALA				
	BAHAGIAN B : BENTUK PENCERITAAN DALAM GALERI DARURAT BUKIT KEPONG	1	2	3	4	5
1.	Terdapat banyak gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah Bukit Kepong di dalam Galeri Darurat Bukit Kepong					
2.	Terdapat tayangan video ringkas yang menceritakan tentang peperangan yang berlaku di Bukit Kepong					
3.	Terdapat banyak peralatan peperangan Jepun dan Malaysia dan artifak yang dipamerkan untuk membuktikan bahawa kawasan Bukit Kepong pernah dijajah oleh komunis					
4.	Terdapat replika-replika seperti pejabat pertanyaan, lokap dan sebagainya yang menunjukkan suasana yang berlaku di Bukit Kepong ketika dahulu					



BAHAGIAN C : LANGKAH-LANGKAH YANG DIGUNAKAN DALAM MELESTARIKAN SEMANGAT NASIONALISME

BIL	PERNYATAAN	SKALA				
		1	2	3	4	5
	LANGKAH-LANGKAH YANG DIGUNAKAN DALAM MELESTARIKAN SEMANGAT NASIONALISME					
1.	Pihak berkenaan perlulah menjalinkan kerjasama dengan sekolah-sekolah yang terdapat di Malaysia melalui program semangat atau cintakan nasionalisme.					
2.	Segala artifak yang ada di Galeri Darurat Bukit Kepong hendaklah dijaga dan dipuliharakan supaya dapat membuktikan bahawa artifak ini wujud pada hari kejadian darurat di Bukit Kepong					
3.	Banyakkan penglibatan pelawat dengan mengadakan aktiviti yang berkaitan dengan semangat nasionalisme seperti sajak, membuat lukisan dan sebagainya					
4.	Setiap koleksi yang ada di Galeri Darurat Bukit Kepong mestilah diterjemahkan dengan jelas supaya pelawat lebih tertarik dan memahami					
5.	Galeri Darurat Bukit Kepong hendaklah libat bersama dalam program Nasionalisme seperti program Hari Kebangsaan dengan mengadakan pameran sementara untuk memperkenalkan kepada orang awam, terutama yang tidak pernah mengetahui kewujudan Galeri Darurat Bukit Kepong					